

## BAB 2

### PERUBAHAN-PERUBAHAN PERLEMBAGAAN, 1950-1959

#### 2.1 Pengenalan

Pengumuman Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London, untuk memberi kemerdekaan kepada wilayah-wilayah jajahannya di Asia Tenggara tidak terkecuali Brunei telah mempengaruhi perkembangan politik Brunei. Brunei mula mengorak langkah untuk menentukan haluan politiknya. Untuk menyesuaikan diri dalam keadaan tersebut, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mengubal sebuah perlembagaan bertulis untuk menuntut kemerdekaan secara berperingkat-peringkat berasaskan sistem pemerintahan beraja dan seterusnya mahu memperkenalkan sistem pemerintahan yang berasaskan demokrasi berparlimen. Langkah mendapatkan kemerdekaan secara berperingkat-peringkat dan idea demokrasi yang hendak diperkenalkan tidak disenangi oleh Parti Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M. Azahari.

Sultan Omar Ali Saifuddien III dan pengikut-pengikut baginda terus mengadakan perundingan dengan kerajaan British walaupun terdapat bantahan-bantahan dari rakyat Brunei yang akhirnya melahirkan konflik dalaman Brunei. Dengan sokongan kerajaan British, Sultan Omar Ali Saifuddien III akhirnya berjaya mendapatkan sebuah perlembagaan bertulis pada 1959.

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan kepada langkah-langkah yang diambil oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mendapatkan sebuah perlembagaan bertulis bagi membolehkan Brunei mencapai kemerdekaan secara berperingkat-peringkat dan seterusnya mahu memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Seterusnya akan dibincangkan juga sejauh mana sistem pemerintahan demokrasi yang dicadangkan itu dapat dilaksanakan dan mengapa Parti Rakyat Brunei (PRB) yang juga mempunyai cita-cita yang sama untuk menuntut kemerdekaan menentang langkah-langkah dan perubahan-perubahan yang cuba dilaksanakan.

## 2.2 Perlembagaan dan Demokrasi 1953-1957

Rancangan pegawai-pegawai British diwilayah-wilayah British Borneo yang diketuai oleh Gabenor Sarawak, Sir Anthony Abell, selaku Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei untuk melanjutkan dasar penjajahannya ke atas Brunei melalui Persekutuan Borneo Utara dan perjuangan kemerdekaan yang dituntut oleh Filipina, Indonesia dan Tanah Melayu<sup>1</sup> telah mendorong Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mengubal satu perlembagaan bertulis bagi negeri Brunei untuk mengambil alih semula kuasa secara berperingkat-peringkat. Dengan cara ini, kedaulatan, maruah dan identiti bangsa Brunei dapat dikembalikan semula. Baginda sedar selagi Brunei di bawah kekuasaan Residen negaranya akan bertambah mundur dan jauh tertinggal ke belakang jika dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh negara jiran dan Asia Tenggara lainnya. Dengan cara ini baginda akan dapat mengambil semula kuasa dan seterusnya

---

<sup>1</sup> Pengiran Haji Mohd Yusof Pengiran Haji Abd Rahim, "Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien", Radio Televisyen Brunei, Brunei, 1986.

membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri di bawah sistem pemerintahan yang berasaskan demokrasi berparlimen.

Setelah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 10 April 1953, Baginda telah mengumumkan secara rasmi dari istana melalui titah baginda pada 1 Mei 1953 untuk memperkenalkan sebuah perlumbagaan bertulis bagi negeri Brunei. Dalam titah tersebut baginda menyatakan<sup>2</sup>:

***It is my intention and desire to grant to my people a written constitution by means of which proper provision can be made for Government and well-being for our State of Brunei. It is my wish to set out in this Constitution firstly the law by which the succession to the Sultanate shall be secured, and such other matters relating to the sovereign and his family as is right and proper; and secondly the composition, power and duties of the State Council together with rules for the conduct of State business and the making of laws***

Berdasarkan kepada titah tersebut Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu mengadakan satu perubahan ke atas sistem politik Brunei. Menurut John F. Cady, langkah ini merupakan sebagai satu titik tolak ke arah bermulanya permodenan sistem politik di Brunei.<sup>3</sup>

Bagi melaksanakan titah tersebut pada 13 Mei 1953, sebuah jawatankuasa penasihat telah dibentuk yang terdiri dari tujuh orang ahli yang dipengerusikan oleh Pengiran Maharaja Laila Muda Kahar. Ahli-ahli lain terdiri dari Pengiran Haji Mohd

---

<sup>2</sup> From High Commissioner For Brunei to the Secretary of State for Colonies, 5 Ogos 1954, Constitutional Developments Borneo Territories, C.O. 1030/113

<sup>3</sup> John F. Cady, The History of Post-War Southeast Asia, Ohio: Ohio University Press, 1974, hal. 163.

Salleh, Pehin Orang Kaya Digadong Haji Mohd Yusof, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Pengiran Mohd Yusof Pengiran bin Pengiran Abd Rahim, Pengiran Ali bin Pengiran Mohd Daud dan Encik Abu Bakar bin Jambul untuk menasihatkan baginda bagi mendraf sebuah perlembagaan untuk dihadapkan kepada Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London.<sup>4</sup>

Langkah ini menjadi kekuatan untuk Sultan Omar Ali Saifuddien III merealisasikan cita-cita baginda bahawa keputusan untuk mendapatkan sebuah perlembagaan bukanlah kehendak baginda sendiri tetapi juga adalah hasil dari desakan rakyat Brunei untuk berkerajaan sendiri. Hasil dari tinjauan tersebut ternyata rakyat Brunei menyokong pembaharuan yang hendak dilaksanakan.<sup>5</sup> Persetujuan dan sokongan rakyat memenuhi hasrat ini juga telah digambarkan Sultan Omar Ali Saifuddien III melalui syair baginda.<sup>6</sup> Langkah ini merupakan sebagai satu titik tolak bahawa sistem demokrasi akan dilaksanakan apabila rakyat diberi peluang untuk

---

<sup>4</sup> Full Report of the Brunei Constitutional Advisory Committee, 23 Mac 1954, Brunei Constitutional Development 1954-1956, C.O 1030/114. Lihat juga, ‘From the High Commissioner for Brunei To The Secretary of State for Colonies, 5 Ogos 1954. Brunei Constitutional Development 1954-1956, C.O. 1030/113

<sup>5</sup> Pengiran Haji Mohd. Ali Pengiran Haji Mohd. Daud, ‘Forum Pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien”, Radio Televisyen Brunei, 1986.

<sup>6</sup> Sokongan rakyat mengenai rancangan untuk mengadakan sebuah perlembagaan bertulis ini telah dijelaskan oleh baginda menerusi sebuah syair. Lihat, Muda Omar 'Ali Saifuddien, Syair Perlembagaan Negeri Brunei, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hal. 3

Komit melawat kampong daerah,  
berjumpa ketua dan anak buah,  
menerangkan maksud cadangan dicurah,  
semuanya setuju tidak membantah,

semua rakyat menyambut cadangan-cadangan,  
bersuka hati mendengarkan rancangan,  
rakyat menghadapkan segala ketenangan,  
menyokong cadangan menguat rancangan.

memberi pendapat mengenai rancangan tersebut sebelum sesuatu keputusan dapat diambil.

Oleh kerana komite ini belum mempunyai pengalaman dalam merangka perlembagaan tersebut, satu lawatan sambil belajar telah dibuat ke beberapa buah negeri di Persekutuan Tanah Melayu iaitu Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan juga Kelantan untuk meminta pandangan dan mempelajari asas menyusun perlembagaan yang akan dibuat.<sup>7</sup> Pada 23 Mac 1954 laporan tersebut telah siap dan diserahkan kepada Sultan dan Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei untuk disemak. Pada 13 September 1954, kertas cadangan ini telah diluluskan oleh Setiausaha Negara.<sup>8</sup>

Terdapat tiga perkara penting yang dikemukakan di dalam kertas cadangan tersebut. Pertama, mengkaji semula isi Perjanjian 1888 dan 1906 serta menggantikannya dengan sebuah perjanjian baharu yang menegaskan bahawa Residen tidak mempunyai kuasa dalam pemerintahan Brunei. Kedua, Brunei hendaklah dijadikan sebuah Kesultanan Islam yang tersusun dengan mempunyai tiga buah majlis iaitu; Majlis Mesyuarat Negeri serta Majlis-Majlis Mesyuarat Daerah dan Bandaran yang ahlinya dipilih secara demokrasi, mempunyai pegawai-pegawai turus negeri yang terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, pegawai kewangan negeri dan Penasihat Undang-Undang, dan mempunyai sebuah askar Melayu untuk menjaga keamanan negeri dan ketiga, memisahkan pentadbiran Brunei daripada pentadbiran Sarawak dan Borneo Utara.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> From the High Commissioner for Brunei to the Secretary of State for Colonies, 5 Ogos 1954, Constitutional Development Borneo Territories, minutes, C.O. 1030/113.

<sup>8</sup> Full Report of the Brunei Constitution Advisory Committee, Brunei Constitutional Development C.O. 1030/114

<sup>9</sup> Full Report of the Brunei Constitutions Advisory Committee, C.O. 1030/113, f. 148-195.

Berdasarkan kepada kertas cadangan tersebut, ternyata Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu meneruskan sistem pemerintahan beraja dan sekaligus memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi menerusi pembentukan tiga buah Majlis Mesyuarat. Dengan terbentuknya majlis-majlis ini setiap keputusan dan penentuan dasar tidak lagi dibuat sendiri oleh orang perseorangan sebaliknya kepada orang ramai. Cadangan ini juga jelas menunjukkan baginda benar-benar mahu mengurangi pengaruh British dengan mensyaratkan bahawa empat jawatan penting dalam pentadbiran iaitu Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Peguam Negeri hendaklah dipegang oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam. Baginda cukup sedar bahawa pewujudan jawatan-jawatan tersebut tanpa memisahkan pentadbiran dengan Sarawak dan Borneo Utara belum cukup untuk menghalang kuasa monopoli pegawai-pegawai British. Pergantungan dengan pegawai-pegawai British yang didatangkan dari Sarawak akibat Perjanjian 1948 akan menghalang penyertaan rakyat Brunei dalam pentadbiran. Cita-cita dan hasrat baginda untuk melatih rakyat mengambil alih kuasa tidak akan tercapai jika perlembagaan tidak diluluskan walaupun baginda menyedari Brunei akan menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai pentadbir. Dengan langkah ini jawatan-jawatan tersebut akan dapat diisi oleh penduduk tempatan secara berperingkat-peringkat. Langkah ini juga dapat menamatkan cita-cita Sir Anthony Abell untuk mewujudkan Persekutuan Borneo Utara yang menurut rangkanya kuasa mentadbir akan dipegang sepenuhnya oleh Sir Anthony Abell.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Letter from Governor North Borneo to J.B. Johnston Esq., Colonial Office, London, 1 September 1956. Lihat juga Letter from Anthony Abell to Sir John Martin, Colonial Office, London, 6 April 1956, C.O. 1030/164.

Perundingan ini memakan masa yang agak lama kerana tidak mendapat sokongan dari pegawai-pegawai British di Brunei terutama Anthony Abell, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei. Perjuangan untuk mendapatkan perlembagaan akan menghalang beliau membina semula empayar British di Borneo. Kerajaan British mengharapkan perlembagaan tersebut tidak akan menjelaskan hubungan di antara kedua kerajaan demi untuk menjaga kepentingannya terutama kepentingan ekonomi dalam sebuah negeri yang kecil tetapi kaya dengan minyak ini. British juga mengharapkan supaya jawatan residen dikekalkan kerana cadangan untuk meletakkan Menteri Besar mengganti tugas-tugas residen amat membimbangkan dan menjelaskan pengaruh British dalam menentukan polisi ke atas Brunei.

### **2.2.1 Langkah Ke Arah Demokrasi**

Sementara menantikan cadangan perlembagaan baru itu diluluskan oleh Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah membuat beberapa pembaharuan dalam pemerintahan sebagai persediaan awal ke arah pembentukan sebuah sistem pemerintahan demokrasi. Pada 5 Julai 1954, Majlis Penasihat Daerah-Daerah (MPDD) telah dibentuk di keempat-empat daerah. Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong. Tujuannya untuk melatih dan menyesuaikan diri dengan sistem kerajaan baru yang akan diperkenalkan.<sup>11</sup> Menerusi MPDD ini rakyat diberi peluang memilih wakil-wakil mereka untuk menghadapkan setiap masalah yang dihadapi di daerah masing-masing supaya dapat dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Sebagai langkah permulaan sebahagian ahli-ahli

---

<sup>11</sup> District Advisory Council, Extract of Minutes of State Council Meeting, 5 Julai 1954, BA/0343/83.

MPDD akan dipilih oleh rakyat dan sebahagiannya akan dilantik oleh Sultan. Seramai 91 orang ahli akan dipilih (Lihat Jadual VI).

## JADUAL VI

### **Komposisi Keahlian Majlis Penasihat Daerah-Daerah**

DAERAH	BRUNEI & MUARA	SERIA & BELATI	TEMBURONG	TUTONG
LANTIKAN KERAJAAN	21	16	12	11
PILIHAN RAKYAT	14	7	6	-
PEGAWAI DAERAH	1	1	1	1
JUMLAH	36	24	19	12

Sumber: District Advisory Councils, BA/0343/83

Ahli-ahli yang dilantik oleh kerajaan mereka ini kebanyakannya terdiri dari penghulu-penghulu dan ketua kampong, guru-guru, wakil-wakil kaum serta Syarikat Minyak Shell (BMPC).<sup>12</sup> Pegawai-Pegawai Daerah di daerah dilantik sebagai ahli kerana jawatan (ex-officio).<sup>13</sup> Majlis-majlis ini akan diberi kuasa untuk memilih seramai enam orang wakil (termasuk seorang Cina) untuk menjadi pemerhati dalam MMN<sup>14</sup> sebelum mereka dilantik menjadi ahli penuh (wakil-wakil rakyat) pada 1957.<sup>15</sup> Ahli-ahli pemerhati ini hanya akan boleh bercakap sekiranya dikehendaki oleh Sultan dan mestilah memberi notis 14 hari terlebih dahulu sebelum MMN

<sup>12</sup> Notification No. 167/1954, BRO/462/54, 17 Ogos 1954, BA/0343/83

<sup>13</sup> Ibid., Lihat juga, Brunei Government Gazette, No. 10, 30 Oktober 1954, BA/0343/83

<sup>14</sup> MMN mengandungi seramai 18 orang ahli (termasuk Residen British), 6 daripadanya wakil-wakil MPDD dan 11 yang lain dilantik oleh Sultan.

<sup>15</sup> Berita Brunei, 23 Januari 1958.

bersidang.<sup>16</sup> Ahli-ahli ini nanti akan mengemukakan keperluan dan kehendak rakyat melalui Majlis Daerah masing-masing. Pada 29 September 1954, majlis ini telah mengadakan mesyuarat pertamanya.<sup>17</sup>

Kebanyakan daripada ahli-ahli dipilih oleh rakyat dan Sultan mengikut kaedah tradisional lalu dihadapkan untuk persetujuan Sultan. Memandangkan pemimpin-pemimpin tempatan yang terdiri penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung merupakan golongan yang berpengaruh dalam masyarakat sebahagian besar ahli-ahli dalam Majlis tersebut terdiri adalah dari penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampong di samping pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru. Mereka yakin orang yang paling rapat dengan rakyat dipercayai akan dapat menyalurkan segala masalah yang dihadapi oleh rakyat. Mereka ini juga difikirkan dapat memberi khidmat dan kerjasama dalam menyokong dasar kerajaan. Dengan cara ini setiap rancangan yang hendak dilaksanakan dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Percubaan ini ternyata berjaya apabila ahli-ahlinya telah dapat memberikan pandangan yang berkesan untuk menyuarakan masalah-masalah rakyat secara terbuka terutama dalam meningkatkan kemajuan sosial, pendidikan dan ekonomi rakyat.<sup>18</sup> Contohnya pada mesyuarat kelima yang berlangsung pada 3 Februari 1955, isu-isu yang dibincangkan semakin bertambah, meliputi masalah-masalah pembinaan jalan-jalan raya ke kampung-kampung, perpindahan Kampong Ayer ke darat, kenaikan pangkat dan syarat-syarat kemasukan ke sekolah Inggeris. Langkah ini juga akan

---

<sup>16</sup> District Advisory Council, Extract of Minutes of State Council Meeting, 17 November 1954, BA/0343/83.

<sup>17</sup> Majlis Penasihat Daerah Brunei dan Muara, 4 Oktober 1954, BA/1158/83

dapat mengingatkan kalangan ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan supaya akan lebih berhati-hati dan berkerja dengan jujur dalam melaksanakan tugas masing-masing. Dengan cara ini juga rakyat tempatan dapat memberikan pandangan dan aduan secara terbuka, yang memberi gambaran awal bahawa Brunei sudah bersedia untuk berkerajaan sendiri.

Untuk memperkembang dan meningkatkan sistem ini satu undang-undang “*Local Council Enactment*” telah diluluskan pada 9 Februari 1956.<sup>19</sup> Perubahan ini telah membawa Brunei maju setapak lagi kehadapan dalam perkembangan politiknya. Dengan undang-undang ini sistem kerajaan tempatan dapat diperkenalkan.<sup>20</sup> Sistem kerajaan tempatan merupakan satu asas ke arah mencapai amalan demokrasi kerana ia memberi peluang penduduk-penduduk di daerah-daerah melibatkan diri dalam hal-hal tempatan dan kerana itu ia boleh dianggap sebagai institusi demokrasi peringkat tempatan kerana Majlis ini akan diberi kuasa otonomi untuk menjalankan pentadbiran dan mengurus hal ehwal kewangan.<sup>21</sup> Selain itu ia dapat mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Brunei yang berbilang puak. Perlembagaan baru yang dicadangkan tidak akan dapat dikuatkuasakan tanpa menguatkan Undang-Undang Majlis Tempatan yang telah dicadangkan.<sup>22</sup> Langkah ini merupakan sebagai persediaan bagi rakyat mempelajari cara pelaksanaan sebuah kerajaan dan bersedia untuk menerima tanggungjawab.<sup>23</sup>

---

<sup>18</sup> State Council Meeting, 2 Oktober 1957, BA/1591/53

<sup>19</sup> Local Council Enactment, BA/1591/53,

<sup>20</sup> Points Raised by the Pehin and Ketuas Against the Establishment of Local Government, Local Council Enactment 14 Julai 1956., BA/12875/78

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ucapan Residen British di Persidangan Majlis Mesyuarat Penasihat Daerah, 25 Februari 1957, BA/1591/53.

<sup>23</sup> Ibid.

Menerusi sistem kerajaan tempatan MPDD akan digantikan dengan Majlis Perbandaraan dan Majlis Daerah yang diharap akan dapat beroperasi sebagai sebuah badan otonomi apabila 50 ahlinya dipilih secara langsung oleh rakyat. Bagaimanapun Majlis Bandaran Bandar Brunei adalah dikecualikan dan semua ahlinya akan dilantik. Tujuannya untuk melatih rakyat tempatan yang bakal menjadi menteri-menteri kerajaan pada masa hadapan supaya mempunyai latihan yang cukup dalam memikul tanggung jawab mentadbir hal ehwal daerah masing-masing mengikut bidang tugas yang ditetapkan di samping meningkatkan penyertaan rakyat dalam politik.<sup>24</sup> Pemilihan wakil-wakil akan dipilih mengikut daerah dan kawasan. Pada peringkat awal pengundian akan dilakukan secara tradisional. Sebelum Majlis Daerah berfungsi secara effectif kerajaan akan merangka satu skim yang membahagikan daerah-daerah kepada kawasan dan untuk setiap kawasan akan dilantik seorang ahli rasmi yang akan duduk bersama-sama dengan ahli yang dipilih dari kawasan yang sama.

Sultan Omar Ali Saifuddien III berpendapat langkah ini adalah sesuai dengan keupayaan rakyat Brunei. Untuk mengadakan sistem pemerintahan berperwakilan rakyat tidak seharusnya mencontohi secara terburu-buru apa yang berlaku di negara-negara lain yang sudah mempunyai pengalaman dan kematangan politik. Disebabkan kekurangan golongan yang berpendidikan maka perlulah diatur langkah persediaan secara berperingkat-peringkat sehingga lahir golongan yang berpendidikan untuk menerajui kerajaan.

---

<sup>24</sup> Report on Attempt to Introduce Local Government in Brunei, 14 Februari 1957, BA/0343/83.

Dalam usaha untuk merealisasikan rancangan ini, satu suruhanjaya penyiasat khas telah dibentuk untuk meninjau pendapat rakyat mengenai rancangan memperkenalkan sistem kerajaan tempatan. Berdasarkan laporan Suruhanjaya ini didapati rakyat Brunei yang diketuai oleh ketua-ketua tempatan iaitu penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampong telah menolak. Satu surat bantahan telah dihadapkan oleh ketua-ketua tempatan kepada Sultan. Mereka menganggap rancangan ini akan membebankan rakyat terutama mengenai tanggungjawab kewangan. Keadaan yang berlaku di wilayah Limbang di Sarawak menjadi contoh kepada penduduk tempatan apabila cukai menjadi bebanan ke atas penduduk di wilayah tersebut. Sumber pendapatan daerah-daerah akan bergantung kepada kutipan cukai-cukai dari hasil minuman keras yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pembentukan kerajaan tempatan juga dianggap sebagai satu petanda pengukuhan semula sistem penjajahan apabila pentadbiran daerah akan dikuasai oleh orang-orang luar.<sup>25</sup> Rancangan ini terpaksa dibatalkan kerana Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak mahu melaksanakan sesuatu tanpa persetujuan orang ramai.<sup>26</sup> Baginda juga tidak mahu memaksa rakyatnya untuk menerima perubahan yang tidak dikehendaki oleh mereka kerana menurut baginda ini tidak demokratik.<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Ibid., lihat juga surat dari Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong kepada Sultan Brunei, 1 Julai 1956, BA/1591/53.

<sup>26</sup> Letter from Anthony Abell to Colonial Office, London, 25 November 1956, Political Development in Brunei, C.O 1030/273.

<sup>27</sup> Letter From Anthony Abell to Alan Lennox Boyd, 14 April 1957, Ucapan Residen British Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Daerah, C.O. 1030/460.

Apa yang berlaku sebenarnya adalah kerana tidak faham dengan erti sebenar maksud kerajaan tempatan.<sup>28</sup> Hal ini disebabkan oleh kurang pendedahan terhadap situasi dunia luar menerusi surat-surat khabar, majalah dan radio. Rakyat juga belum dapat menerima perubahan dengan cepat akibat latar belakang pendidikan dan pengetahuan politik yang lemah. Dengan kata lain penolakan ini membayangkan rakyat belum bersedia untuk hidup dalam suasana pemerintahan yang bercorak demokrasi.

Sebagai menggantikan kerajaan tempatan, satu undang-undang baru telah diperkenalkan untuk membentuk Pentadbiran Majlis Daerah yang dijangkakan dapat direalisasikan pada awal 1958.<sup>29</sup> Ahli-ahlinya dipilih dari ahli-ahli Majlis Daerah menerusi satu pengundian menurut kaedah tradisional. Keseluruhan rakyat Brunei termasuk pegawai-pegawai kerajaan dibenarkan mengundi. Pengundi-pengundi mestilah berumur dua puluh satu tahun ke atas yang terdiri dari rakyat Brunei atau British dan sudah tinggal di Brunei tidak kurang dari lima tahun. Rakyat biasa juga akan diberi peluang mengundi dengan syarat mereka mestilah tinggal di Brunei sekurang-kurangnya dua belas tahun.

Pada Mac 1957 Sultan Omar Ali Saifuddien telah membuat beberapa perubahan ke atas MMN apabila baginda mengumumkan untuk membubarkan ahli-ahli MMN. Pada 11 April 1957, jumlah ahli dalam Majlis tersebut telah ditambah menjadi 18 orang. Baginda telah melantik ahli-ahli baru.<sup>30</sup> Sebelum ini jumlah ahli-

---

<sup>28</sup> Report on Attempt to Introduce Local Government in Brunei. BA/1591/53.

<sup>29</sup> Letter From Anthony Abell to Alen Lennox Boyd, 14 April 1957, C.O. 1030/460.

<sup>30</sup> Berita Brunei, 18 April 1957.

ahli cuma 12 orang.<sup>31</sup> Dengan perubahan ini bilangan anggota tetap menjadi seramai empat orang (Residen, dua orang Wazir dan Pegawai Kewangan Negara), Anggota rasmi seramai lima orang (Haji Ibrahim Mohd. Japar, Pengiran Mohd. Yusof Pengiran Haji Abdul Rahim, Haji Ahmad Daud, Pengiran Haji Mohd Salleh dan Penasihat Undang-Undang, D.B. McGilligan) dan anggota tidak rasmi seramai sembilan orang (R.E. Hales, George Newn Ah Foott, Haji Mohd Taha, Haji Mohd Nor, Pengiran Haji Mohd Ali Pengiran Mohd Daud, Marsal Maun, dan Pegawai-Pegawai Daerah Tutong, Temburong dan Belait).<sup>32</sup> Perubahan ini diharapkan dapat dikuatkuasakan pada 1 Januari 1958.<sup>33</sup> Pertambahan dan perlantikan ahli-ahli baru ini telah memberi kemajuan setapak lagi dalam perkembangan politik Brunei bagi persediaan ke arah berkerajaan sendiri dan pembentukan sebuah kerajaan demokrasi.

### **2.2.2 Bentuk Perlembagaan**

Pada Julai 1957, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mengeluarkan rangka perlembagaan yang telah dibincangkan dengan Pejabat Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London melalui pengumuman yang dibuat oleh J.O. Gilbert, Residen British di Brunei.<sup>34</sup> Rangka tersebut telah menggariskan untuk memberi kuasa kepada Sultan menjadi Ketua Negara, Agama dan Eksekutif. Ini bermakna semua kuasa eksekutif mestilah dilaksanakan atas nama Sultan. Tiga buah majlis yang baru akan dibentuk iaitu Majlis Mesyuarat Diraja (MMD), MMK dan MMN untuk menggantikan Majlis Negeri yang ada. Perlantikan jawatan-jawatan Menteri Besar,

---

<sup>31</sup> Letter From Anthony Abell to Alen Lennox Boyd, 14 April 1957, C.O. 1030/460.

<sup>32</sup> Berita Brunei, 18 April 1957.

<sup>33</sup> Ibid.

Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negara masih dalam perundingan untuk mendapatkan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei dan Setiausaha Negara di London.<sup>35</sup>

MMD, akan membantu dan menasihat sultan dalam hal-hal pengampunan, pindaan atau pembatalan sebarang kandungan perlembagaan. Selain itu, majlis ini juga berperanan untuk memberi nasihat kepada sultan tentang hal-hal perlantikan, kenaikan pangkat serta menganugerahkan gelaran. Majlis ini mengandungi enam orang ahli iaitu Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha, Residen British, Penasihat Undang-Undang, Penasihat Agama dan seorang ahli kerana jawatan. Selain itu, Sultan Brunei juga diberi kuasa untuk memilih dan melantik beberapa orang yang difikirkan layak oleh baginda menjadi ahli dalam majlis tersebut.

MMK pula akan mengurus hal ehwal pentadbiran dan menjalankan undang-undang. Pada peringkat awal, majlis ini mengandungi seramai 15 orang ahli dan dipengerusikan oleh Sultan, tujuh orang daripadanya ahli kerana jawatan (ex-officio), seorang ahli rasmi dari Majlis Legislatif dan tujuh orang ahli tidak rasmi yang akan dipilih dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah. Majlis ini hanya akan bermesyuarat atas perintah Sultan dan Sultan pula boleh menolak sebarang nasihat tetapi dengan cara bertulis.

MMN merupakan sebagai sebuah parlimen yang akan dianggotai oleh wakil-wakil rakyat yang akan dipilih melalui satu pilihan raya. Menerusi MMN ini wakil-

---

<sup>34</sup> Berita Brunei, 26 September 1957.

<sup>35</sup> Berita Brunei, 1 Ogos 1957.

wakil rakyat akan diberi peluang untuk mengeluarkan pendapat dan membidas kerajaan tertakluk kepada peruntukan undang-undang dalam perlombagaan dalam semua perkara kecuali yang berhubungan dengan mata wang dan kewangan negeri, setiap kandungan perjanjian di antara Sultan dengan kerajaan baginda Queen, pertahanan dan keselamatan serta perkara yang melibatkan tatatertib, pergerakan angkatan tentera laut, udara dan darat baginda Queen yang telah ditandatangani. Sultan diberi hak untuk menangguhkan sebarang mesyuarat yang akan diadakan oleh Majlis ini bila-bila masa.<sup>36</sup> Ahli-ahli Majlis ini terdiri dari seorang Presiden, lima orang ahli kerana jawatan (ex-officio), enam orang ahli rasmi dan lima belas orang ahli tidak rasmi (sebelas orang daripadanya akan dipilih dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah setelah mendapat persetujuan Sultan).

Pada September 1957, Rangka perlombagaan telah dikeluarkan secara rasmi untuk dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Daerah dan MMN untuk mendapat persetujuan sebelum rundingan dibuat di London. Rangka perlombagaan yang baru ini unsur demokrasi kelihatan lebih jelas apabila jumlah ahli-ahli yang akan duduk dalam MMK dan MMN telah ditambah. Jumlah ahli-ahli MMK yang sebelum ini berjumlah limabelas orang ditambah menjadi lapan belas orang sementara MMN dari dua puluh enam orang menjadi dua pluh lapan orang.

MMN ini akan dipengerusikan oleh Menteri Besar.<sup>37</sup> Ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) seramai empat orang (dua Wazir, Penasihat Undang-Undang,

---

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Jawatan Menteri Besar mestilah dipegang oleh seorang Melayu yang beragama Islam bermazhab ahli sunah waljammah.

Pegawai Kewangan Negara, Penasihat Ugama dan seorang ahli rasmi kerana jawatan yang akan dipilih oleh Sultan), ahli rasmi enam orang (yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan) dan ahli tidak rasmi seramai lima belas orang yang akan dipilih melalui Majlis Mesyuarat Daerah. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah ahli-ahlinya akan dipilih secara langsung oleh rakyat di seluruh kawasaan dengan undi sulit (secret ballot).<sup>38</sup> Ini menggambarkan rakyat akan diberi kuasa memilih wakil-wakil mereka untuk menyampaikan segala masalah terus kepada MMN menerusi wakil-wakil mereka yang akan dilantik untuk menjadi ahli dalam MMN bagi mewakili daerahnya.

MMK akan dipengerusikan oleh Sultan. Ahli-ahlinya terdiri dari 7 orang ahli kerana jawatan (dua wazir, Residen, Penasihat Undang-Undang, Penasihat Ugama, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dan seorang ahli dari Majlis Mesyuarat Negeri). Tujuh orang ahli tidak rasmi yang akan dipilih dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah sama ada ahli tersebut pegawai kerajaan atau bukan dan empat ahli rasmi(pegawai-pegawai kerajaan). Tugas majlis ini untuk menguruskan pentadbiran serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang diluluskan oleh MMN.<sup>39</sup> Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar kandungan perlombagaan Brunei adalah menuju kepada pemerintahan demokrasi berparlimen dengan 53 % dari jumlah kerusi dalam MMN akan diduduki oleh ahli tidak rasmi yang dipilih melalui undi sulit.

Walaupun perubahan-perubahan terhadap undang-undang baru ini menggambarkan bahawa Brunei akan menuju ke arah pemerintahan demokrasi tetapi berdasarkan kepada kuasa yang diberi kepada majlis-majlis tersebut adalah terhad.

---

<sup>38</sup> Berita Brunei, 23 Januari 1958.

Hal ini dapat dibuktikan apabila kuasa MMK yang berfungsi sebagai badan pembuat dasar kerajaan dan meluluskan sebarang masalah dan perkara-perkara yang telah diluluskan oleh MMN tidak boleh membuat sebarang keputusan muktamat sehingga mendapat persetujuan Sultan. Ahli-ahli majlis ini pula dipilih oleh Sultan dan Sultan boleh menolak seseorang ahli jika baginda tidak berkenan. Majlis ini hanya akan bermesyuarat atas perintah Sultan.<sup>40</sup>

MMN juga tidak mempunyai suara majoriti walaupun mempunyai ahli tidak rasmi yang dipilih melalui pilihan raya secara sulit melebihi jumlah ahli rasmi namun jumlah sebenar hanya sebelas orang ahli kerana empat dari lima belas ahli dipilih dari kalangan ahli-ahli yang tidak memegang jawatan dalam kerajaan. Semua ahli-ahli yang akan dilantik mestilah diluluskan oleh Sultan. Dalam bidang kuasa, walaupun MMN bebas memberi pandangan dan kritikan namun mereka tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan soal-soal kewangan, perjanjian dengan kerajaan baginda Queen, pertahanan dan keselamatan.<sup>41</sup>

Berdasarkan kepada struktur perlombagaan ternyata Sultan Omar Ali Saifuddien III mahukan sebuah pemerintahan demokrasi terpimpin apabila semua kuasa pemerintahan di tangan baginda dan semua ahli yang akan dilantik dalam majlis-majlis tersebut mestilah mendapat persetujuan baginda. Baginda beranggapan rakyat Brunei masih perlu dipimpin memandangkan keupayaan mereka yang serba kekurangan dan rakyat Brunei sendiri belum bersedia untuk berdiri di atas tapak kaki

---

<sup>39</sup> Berita Brunei, 26 September 1957.

<sup>40</sup> Ibid.

<sup>41</sup> Brunei Constitutional Conference, 25 Mac 1959, C.O. 1030/526, f. 37.

sendiri. Perlembagaan ini cuma memberi sedikit kuasa kepada rakyat Brunei untuk menyertai pentadbiran dan bukannya kuasa penuh. Perlembagaan yang telah dituntut bukanlah untuk menubuhkan sebuah pemerintahan demokrasi seperti yang diamalkan oleh negara-negara yang mengamalkannya tetapi untuk mengembalikan semula kuasa Sultan dalam sebuah Kesultanan Melayu Islam seperti mana yang pernah dititahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III semasa rundingan perlembagaan dibuat di antara baginda dengan Setiausaha Negara British, Sir Lennox Boyd di London, "*The constitutions would be the country's constitutions and the Sultan's constitution.*"<sup>42</sup> Cita-cita ini telah dijelaskan lagi oleh salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Cikgu Marsal bin Maun bahawa perundingan perlembagaan yang sedang berjalan di antara rombongan kerajaan yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III dengan Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London, bertujuan untuk mengembalikan semula sistem Kesultanan Brunei seperti di masa lampau.<sup>43</sup>

Dengan kata-kata lain perlembagaan telah memperuntukkan Sultan sebagai ketua kerajaan dan semua urusan dalam pentadbiran dijalankan atas nama Sultan. Brunei akan terus menerima nasihat British dalam semua urusan pentadbiran kecuali agama dan adat istiadat walaupun jawatan Residen British dimansuhkan diganti dengan Penasihat British (British Adviser). Setiap nasihat mestilah diterima demi menjamin kebaikan kerajaannya.<sup>44</sup>

---

<sup>42</sup> Note of Meeting Between the Secretary of State and His Highness The Sultan of Brunei held at the Colonial Office, 27th September 1957, f. 2, Brunei Constitutions Development 1957-1959, C.O. 1030/460.

<sup>43</sup> Borneo Bulletin, 4 Januari 1958.

<sup>44</sup> Berita Brunei, 26 September 1957.

Perubahan-perubahan yang dibuat oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III ke atas sistem pemerintahan Brunei menerusi perlumbagan tidak disenangi oleh Parti Rakyat Brunei yang menganggap langkah-langkah dan perubahan itu sebagai primitif dan tidak demokratik.<sup>45</sup> Pemilihan ahli tidak rasmi adalah bertentangan dengan konsep demokrasi. Mereka telah membuat tuntutan supaya cara pemilihan ahli Majlis Majlis Daerah ke dalam MMN diadakan secara langsung dan pilihan raya diadakan selewat-lewatnya pada 1958.<sup>46</sup> Perbezaan terhadap pendekatan demokrasi di antara Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan Parti Rakyat Brunei telah menimbulkan konflik dalaman Brunei.

### **2.3 Parti Rakyat Brunei (PRB) dan Demokrasi**

Sementara Sultan Omar Ali Saifuddien III membuat persediaan-persediaan untuk mendapatkan kuasa melalui sebuah perlumbagaan, kesedaran politik di kalangan orang-orang Brunei mula memuncak apabila munculnya Parti Rakyat Brunei (PRB) yang di ketuai oleh A.M. Azahari. PRB bercita-cita menuntut kemerdekaan untuk membebaskan Brunei dari belenggu penjajahan. Pada peringkat awal PRB menyokong perjuangan Sultan Omar Ali Saifuddien III menuntut kemerdekaan dan mahu memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi kerana mempunyai persamaan dengan cita-cita dan manifesto PRB. Disebabkan oleh pelaksanaan dan pendekatan yang berbeza terhadap demokrasi pati ini kemudiannya menentang pendekatan yang cubal dilaksanakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Sultan Omar Ali Saifuddien III mempunyai matlamat sendiri dalam perjuangannya untuk mencapai kemerdekaan.

---

<sup>45</sup> Borneo Bulletin, 4 Januari 1958.

Baginda mahukan kemerdekaan yang hendak dicapai mestilah berperingkat-peringkat dan corak pemerintahan demokrasi yang terhad. Baginda menggunakan pendekatan ini kerana menurut tanggapan beginda sesuai dengan keupayaan rakyat. PRB menolak cara tersebut kerana mahukan kemerdekaan dan sistem demokrasi sebenar. Oleh kerana perjuangan PRB tidak selaras dengan cara yang hendak dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Perbezaan tersebut telah menimbulkan pertentangan antara kedua pihak sehingga menimbulkan konflik dalaman antara kerajaan yang dipimpin oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan PRB.

A.M. Azahari, merupakan seorang pemimpin nasionalis Brunei yang bercita-cita untuk membawa Brunei ke arah kemerdekaan. Dengan sifat-sifat kewibawaannya serta kebijaksanaannya berpidato dan mempunyai karisme beliau telah berjaya menarik perhatian orang ramai menyebabkan beliau mendapat sokongan padu di kalangan rakyat.

Karier politik A.M. Azahari bermula sejak zaman pendudukan Jepun apabila beliau dihantar oleh pihak Jepun ke Indonesia untuk mempelajari ilmu sains kehaiwanan. Ketika ini kesedaran nasionalisme di Indonesia menentang penjajahan Belanda sedang memuncak. Beliau mula terpengaruh dengan gerakan tersebut iaitu menyertai gerakan gerila untuk menuntut kemerdekaan Indonesia. Sekembalinya ke Brunei beliau tertarik pula dengan gerakan nasionalisme di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Dengan semangat anti penjajahan yang masih panas beliau mula memarakkannya di Brunei. Beliau berjaya menghidupkan semula gerakan

---

<sup>46</sup> Borneo Bulletin, 9 Mei 1957.

nasionalisme di Brunei yang sudah terkubur. Ketika inilah beliau cuba menonjolkan diri sebagai seorang tokoh pemimpin nasionalisme di Brunei.

PRB adalah satu-satunya parti politik yang pertama dan mendapat sokongan popular di Brunei walaupun sebelum ini sudah ada beberapa persatuan bersifat nasionalis seperti Kesatuan Melayu Belait (KMB), Angkatan Pemuda Brunei (APB), Persatuan Murid-Murid Tua (MUTU) dan Barisan Pemuda (BARIP) tetapi ia kurang aktif kerana kerajaan tidak membenarkan persatuan-persatuan ini bergiat dalam politik. Disebabkan oleh tekanan-tekanan penjajahan mereka tidak dapat bergerak cergas walaupun sudah tertanam semangat perjuangan “Brunei Untuk Brunei”. Salah seorang pemimpinnya Pengiran Mohd. Yusof telah merakamkan;<sup>47</sup>

... At that time, there was a desire among the few educated Brunei Malays to set up a (political) party to bring Brunei to independence, as the wave of nationalism was burning everywhere in the Malay Archipelago. But, in Brunei, we couldn't (form one) because the state was under military rule. So, we tried other means. We set up BARIP with the aim of social and economic advancement of the Malay Community. In fact, BARIP's main objective was in politics (to get independence from the British Government).

Oleh kerana A.M. Azahari memahami kedudukan ekonomi orang-orang Melayu jauh tertinggal jika dibandingkan dengan orang-orang Cina, beliau telah menjadikan isu ekonomi sebagai landasan awal perjuangannya untuk mendapat sokongan padu dari rakyat. Pengalaman di Indonesia dan corak gerakan sosialis di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura cuba ditanamkan di kalangan nasionalis di

---

<sup>47</sup> Matassim Haji Jibah, “Political Development in Brunei With Reference to Sultan Omar Ali Saifuddien III 1950-1967”, M.A. Thesis, University of Hull, England, 1983, hal. 26.

Kesedaran ini dapat dihubungkan dengan perkembangan dan kemajuan pembangunan fizikal dan kerohanian yang telah dicapai sejak Brunei memulakan rancangan pembangunan lima tahun pertamanya (1953-1958). Rancangan pembangunan ini telah memberi kesan positif menyemai kesedaran di kalangan rakyat terutama dengan berkembangnya sistem pendidikan yang terancang yang telah menambahkan bilangan orang yang boleh membaca. Terbitnya surat-surat khabar misalnya Salam pada 1951, Borneo Bulletin pada 1953 rakyat mula melihat keadaan sekelilingnya, siaran-siaran radio dari Indonesia, Singapura dan Kuching yang dapat didengar oleh rakyat turut membangkitkan kesedaran. Penubuhan siaran radio Brunei pada Mei 1957 dan terdapatnya panggung-panggung wayang dan tayangan wayang gambar ke kampung-kampung telah menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai dunia luar dan telah mengubah sikap berfikir rakyat mengenai kehidupan di negara-negara luar. Kesemuanya ini telah meningkatkan kesedaran politik. PRB yang lahir dalam suasana tersebut setentunya telah mempengaruhi pandangan politik rakyat Brunei jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya yang rakyat hidup dalam lingkungan dan suasana tertutup.

Sungguhpun beberapa tindakan telah dilakukan untuk melemahkan perjuangan beliau tetapi tidak memberikan sebarang kesan. Sebaliknya makin aktif terutama selepas A.M. Azahari menghadiri perhimpunan UMNO dan juga Kongres Perdana Parti Rakyat Malaya (PRM) yang diadakan pada 1955<sup>53</sup>. Selepas menghadiri persidangan dan mendapat sokongan kuat dari rakyat A.M. Azahari kemudiannya telah menujuhkan sebuah parti politik Parti Rakyat Brunei (PRB) sebagai salah satu

---

<sup>53</sup> Ranjit Singh, "The Internal Politics of Brunei in the 1950's and 1960's", hal.2

cabang dari Parti Rakyat Malaya. Oleh kerana pihak British tidak membenarkan PRB mempunyai hubungan dengan part-parti politik di Tanah Melayu dan manifestonya mahu memperjuangkan kemerdekaan seluruh Kepulauan Melayu maka pendaftaranya terpaksa ditolak.<sup>54</sup> Setelah mengubah manifesto tersebut barulah pendaftarannya diluluskan pada 15 Ogos 1956.<sup>55</sup> Kemunculan PRB telah mula mewarnakan politik dalaman Brunei. Beliau telah berjaya mengekspolitasi gerakan nasionalisme yang sedia ada dengan menanamkan semangat anti penjajahan di kalangan rakyat Brunei. Kewibawaan A.M. Azahari yang bijak berpidato dan berkarsme telah berjaya menambat hati orang ramai menyebabkan beliau mendapat sokongan padu. Selain itu, A.M. Azahari juga berjaya mengeksplotasi ketaatan rakyat kepada sultan dengan menyokong menyokong sultan mendapatkan kemerdekaan melalui sebuah perlombagaan bertulis telah menambahkan keyakinan rakyat terhadap perjuangan beliau.

Apabila A.M. Azahari berjaya menanamkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat dan mendapat sokongan pada, beliau mula mengkritik perlombagaan yang telah dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan alasan bertentangan dengan prinsip dan cita-cita manifesto perjuangan PRB yang mahukan kemerdekaan berlandaskan kepada demokrasi sebenar.<sup>56</sup> PRB mula menentang setiap perubahan yang hendak dikenalkan oleh baginda. PRB mahukan kuasa diberi kepada rakyat untuk menentukan masa depan mereka. Dengan cara ini sebuah kerajaan yang dipilih

<sup>54</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei 1939-1962, Kuala Lumpur: ZR Publications, 1989, hal. 71.

<sup>55</sup> Formation of a Branch Party Raayat in Brunei. RG59, 746-00/9-1756 HBS. Lihat juga Notification 1956, BA/12826/78.

<sup>56</sup> Berita Brunei, 15 Jun 1957.

oleh rakyat akan dapat diwujudkan. Kuasa eksekutif dan legislatif diletakkan di bawah kerajaan yang ahlinya dipilih secara langsung berdasarkan kepada undi sulit (*secret ballot*) bukanya dipilih oleh Sultan kerana Sultan diletakkan di bawah perlombagaan. Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak dapat menerima tuntutan tersebut kerana Brunei bukan negara jajahan British. Brunei ada kerajaan dan baginda adalah sultan dan ketua kerajaan yang bertanggungjawab menentukan nasib dan rakyat Brunei. Perlombagaan yang sedang diperjuangkan bertujuan untuk mengembalikan semula kuasa untuk berdiri di atas kaki sendiri secara berperingkat-peringkat.

Baginda menyedari usaha ini tidak akan tercapai tanpa penyertaan rakyat. Sokongan rakyat sangat diperlukan untuk menjamin keberkesanan terhadap tuntutan ke atas perlombagaan yang sedang dibuat. Kerana itu baginda mahu mengadakan sebuah pemerintahan demokrasi berparlimen dengan mewujudkan tiga buah Majlis Mesyuarat Daerah, MMN dan MMK membolehkan rakyat menyertai pentadbiran dan sama-sama mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negari dan rakyat Brunei. Mengikut baginda perlombagaan yang diperjuangkan sudah cukup untuk memberi hak demokrasi kepada rakyat. Sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi,<sup>57</sup> sikap dan persepsi yang berbeza terutama kemerdekaan dan soal demokrasi inilah yang telah melahirkan konflik dalaman dalam perkembangan politik Brunei. PRB yang menganggap dirinya sebagai sebuah parti politik yang berprestige dan mewakili seluruh rakyat dengan ahli seramai 16,000 orang tidak mahu mengikut cara yang diinginkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan terus mendesak supaya diadakan

---

<sup>57</sup> Sila lihat hal. 68-71.

pilihan raya melalui proses demokrasi.<sup>58</sup> PRB juga menuntut supaya perundingan perlembagaan yang dianjurkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III mestilah disertai oleh rakyat.<sup>59</sup>

Pembentukan Majlis Penasihat Daerah yang diperkenalkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III sebagai langkah awal ke arah pemerintahan demokrasi pada Julai 1954 dilihat oleh PRB bertentangan dengan prinsip demokrasi kerana ahli-ahli yang dipilih terdiri dari para penyokong dan pengikut-pengikut Sultan.<sup>60</sup> Pemilihan tersebut dianggap pemilihan yang primitif dan demokrasi berpura-pura.<sup>61</sup> Kesempatan tidak diberi sepenuhnya kepada rakyat untuk memilih secara langsung sebaliknya tidak demokratik kerana dilakukan secara tradisional.<sup>62</sup> Wakil-wakil rakyat yang dilantik bukanlah sebagai wakil yang sebenarnya kerana wakil-wakil ini duduk sebagai pemerhati dan tidak boleh bercakap secara bebas.<sup>63</sup>

Untuk menghalang pembaharuan-pembaharuan yang cuba diperkenalkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam merealisasikan rancangan baginda, PRB telah mempengaruhi ketua-ketua tempatan dan rakyat supaya menolak rancangan untuk mengenalkan sistem kerajaan tempatan pada 1956 dengan mengatakan penguasa-penguasa tempatan dan pegawai-pegawai rendah kerajaan akan kehilangan

---

<sup>58</sup> Ranjit Singh, "The Internal Politics of Brunei 1950's and 1960's", hal. 3.

<sup>59</sup> Constitutional Change in Brunei, 23 April 1959, Brunei Constitutional Development, C.O. 1030/528, f.12.

<sup>60</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei 1939-1962, hal. 73.

<sup>61</sup> A.V.M. Horton, "The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959: A Sultanate Regenerated", Ph.D. Thesis, University of Hull, London, 1985, hal. 504.

<sup>62</sup> Menurut Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim, pemilihan ini dilakukan dengan cara meminta supaya penduduk daerah-daerah memilih siapa saja yang difikirkan layak untuk mewakili mereka. "Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien", Radio Televisyen Brunei, 1986.

<sup>63</sup> Ibid.

kepentingan dan kuasa. Rancangan ini akan memberi peluang kepada penjajah untuk mengukuhkan semula kedudukan dan kesempatan untuk orang luar memegang kuasa.<sup>64</sup>

Pembubaran ahli-ahli MMN dan penambahan jumlah ahli yang telah diisytiharkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III pada April 1957 tidak dapat meredakan tuntutan PRB kerana ahli-ahli tidak rasmi dikuasai oleh kerajaan dan dipilih oleh Sultan.<sup>65</sup> PRB mahukan supaya Sultan menyerahkan kuasa politiknya dan duduk di bawah perlembagaan.<sup>66</sup> Dalam kongres kedua PRB Mei 1958, Azahari telah menuduh British mahu mengekalkan penjajahannya dan dianggap sebagai diktaktor.<sup>67</sup> Mengikut tanggapan PRB perubahan ini bertentangan dengan hak-hak demokrasi yang sedang diperjuangkan.<sup>68</sup> Beliau telah menuntut supaya ahli-ahli MMN dipilih secara langsung oleh rakyat bukannya dipilih oleh Sultan.<sup>69</sup> PRB juga menuntut supaya Sultan tidak mengambil bahagian dalam politik sebaliknya duduk sebagai raja berperlembagaan.<sup>70</sup> Mereka akan memulaukan perlembagaan tersebut jika perlembagaan tidak memperuntukkan pemilihan secara demokrasi<sup>71</sup> dan 75% daripada ahli MMN dipilih secara langsung oleh rakyat.<sup>72</sup> Jika tuntutan ini tidak dilayan mereka akan menentang habis-habisan<sup>73</sup> dan mengadakan protes ke

---

<sup>64</sup> Report on Attemp to Introduce Local Government in Brunei, Lihat juga Surat dari Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampong, BA/1591/53.

<sup>65</sup> Borneo Bulletin, 28 September 1957.

<sup>66</sup> Comparison of Proposals For a New Constitution for Brunei, Brunei Constitutional Development, C.O. 1030/460, f.2.

<sup>67</sup> Foreign Service Despatch From American Consulate General Singapore to the Department of State Washington D.C., RG 59, 746H,00/3-659.

<sup>68</sup> Borneo Bulletin, 20 September 1957.

<sup>69</sup> Borneo Bulletin, Mac 1957.

<sup>70</sup> Straits Times, 4 Jun 1957.

<sup>71</sup> Constitutional Change In Brunei, C.O. 1030/528, f. 12.

<sup>72</sup> Berita Brunei, 28 Mac 1957.

<sup>73</sup> Brunei Constitutional Development 1957-1959, C.O. 1030/460, f. 136.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Colonial Office di London dan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei di Kuching.<sup>74</sup>

Rangka Perlembagaan bertulis yang telah diumumkan pada Julai 1957, tidak disenangi oleh PRB kerana perlumbagaan ini tidak membawa sebarang perubahan ke atas kedudukan dan peranan Penasihat British. Ini bermakna Perlumbagaan tersebut tidak memberikan kemerdekaan sebenar sebaliknya mengukuhkan kuasa otokrasi Sultan. Sebagai bantahan kepada kerajaan British, pada bulan Jun 1957, PRB telah mengundang Mr. Reaburn Q.C. menjadi penasihat politik untuk mendraf sebuah memorandum merdeka untuk dihadapkan kepada Sultan Brunei sebelum PRB menghantar rombongan ke London untuk berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan mengenai perlumbagaan baru bagi menuntut taraf bekerajaan sendiri. Sambil itu PRB telah membuat propaganda bahawa rombongan PRB mendapat sokongan dari Indonesia, India dan beberapa buah negeri Asia dan Perlumbagaan yang dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak demokrasi sebaliknya menguatkan kuasa otokrasi baginda<sup>75</sup>.

Pada Julai 1957, memorandum tersebut telah dihadapkan kepada sultan tetapi baginda enggan menerima dengan alasan baginda adalah seorang raja yang berperlumbagaan dan tidak mengambil bahagian dalam politik.<sup>76</sup> Akan tetapi Sir Anthony Abell bersetuju menemui pemimpin PRB bagi tujuan menghalang dengan menasihatkan supaya rancangan tersebut dibatalkan dengan alasan yang Brunei bukan

---

<sup>74</sup> Berita Brunei, 28 Mac 1957.

84 Constitutions Development of Brunei, C.O. 1030/460.

<sup>76</sup> Borneo Bulletin, 8 Jun 1957.

diperintah oleh British tetapi oleh Sultan. Pegawai dagang British bukanlah golongan pemerintah atau simbol penjajah tetapi kehadiran mereka adalah atas perkenaan Sultan. Tugas mereka adalah terbatas. Beliau menakankan PRB seolah-olah meminta daripada pejabat tanah-tanah jajahan sesuatu yang pejabat tersebut tidak ada kuasa untuk memberinya.<sup>77</sup>

Walaupun diberi amaran PRB tetap meneruskan rancangannya menghantar rombongan seramai tiga orang yang diketuai oleh A.M. Azahari dan dua orang kanan parti iaitu Yassin Affendy dan Zaini Ahmad pada bulan September 1957 untuk berjumpa dengan Setiausaha Negara bagi mengemukakan beberapa cadangan dan menuntut supaya diadakan pilihan raya secara halal dan demokratik untuk memilih 75% ahli-ahli MMN, parti politik yang menang ketuanya harus dilantik menjadi Ketua Menteri dan diberi kuasa untuk membentuk pemerintahan.<sup>78</sup> Rombongan ini juga menuntut supaya ketiga-tiga wilayah Borneo disatukan menjadi Negara Persekutuan.<sup>79</sup> Mereka juga menuntut supaya Brunei diberikan demokrasi penuh dan kuasa eksekutif Sultan dihadkan. Kuasa dalam Majlis Mesyuarat mestilah dipegang oleh Ketua Menteri dan jawatan Menteri Besar dihapuskan.<sup>80</sup> PRB juga mahu supaya ahli-ahli MMN ditambah menjadi tiga puluh enam orang. Seramai sembilan orang dilantik oleh Sultan dan dua puluh tujuh dipilih melalui undi sulit. Umur pengundi ialah lapan belas tahun ke atas.<sup>81</sup>

---

<sup>77</sup> Borneo Bulletin, 24 Ogos 1957.

<sup>78</sup> Letter From State Secretary to High Commissioner for Brunei, 5 Oktober 1957, C.O. 1030/464.

<sup>79</sup> Ahmady Hassan, Ke Mana Azahari?, Alor Star: United Development Corporation, hal. 156. (tahun tidak dinyatakan)

<sup>80</sup> Letter from Secretary of State to High Commissioner of Brunei, 5 Oktober 1957 dan minit mesyuarat Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan dengan Rombongan Parti Rakyat Brunei, 30 September 1957, C.O. 1030/464.

<sup>81</sup> Note on the Reaburn Memorandum, C.O. 1020/460.

Rombongan merdeka PRB gagal dan pulang dengan tangan kosong tetapi kepuungan mereka disambut dengan hangat oleh 5,000 orang rakyat yang menganggapnya sebagai satu kejayaan besar dalam perjuangan PRB. PRB telah membuat alasan kegagalan rundingan tersebut disebabkan sikap tidak bertanggungjawab British.<sup>82</sup>

Alasan pihak British menolak memorandum tersebut kerana dicipta bukan dengan inspirasi rakyat Brunei akan tetapi di buat oleh orang luar sama ada ia “*made in Singapore*” atau “*made in England*”.<sup>83</sup> Pihak British juga berpendapat tuntutan PRB ini tidak masuk akal dan terlalu drastik jika diukur dengan keadaan politik pada masa itu hingga boleh menjelaskan hubungan Brunei dengan British. Adalah mustahil bagi British untuk menyerahkan kuasa kepada satu kumpulan yang tidak akan bekerjasama dengan British. Menyerahkan kuasa dengan tiba-tiba kepada ahli-ahli politik yang pendidikannya tidak seberapa dengan hanya berpegang kepada demokrasi untuk memerintah sebuah negara yang sebahagian besar orang-orang yang masih buta huruf adalah satu perkara yang tidak pernah berlaku.<sup>84</sup>

Perjuangan radikal yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin PRB termasuk tindakan memulaukan pilihan raya tidak disenangi oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan para pegawai-pegawaiannya. Tindakan untuk memulaukan pilihan raya dianggap oleh baginda kurang bijak dan tidak menguntungkan kerana rakyat akan kehilangan peluang untuk memilih wakil-wakil mereka untuk menjadi penyambung lidah

---

<sup>82</sup> Ahmady Hassan, Ke Mana Azahari?, hal. 157.

<sup>83</sup> Letter From Secretary of State to High Commissioner of Brunei, C.O. 1030/460.

menyampaikan hasrat dan masalah mereka dalam MMN.<sup>85</sup> Pilihan untuk ahli-ahli Majlis Daerah yang dicadangkan pada akhir 1957 dengan cara tradisional merupakan langkah pertama percubaan ke arah amalan demokrasi. Pilihan melalui undi sulit tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta dan memerlukan pembentukan satu Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membuat undang-undang bagaimana dijalankan dan bagaimana mereka mendaftar nama-nama mereka untuk menjadi pengundi.<sup>86</sup> Nampaknya PRB mencuba melompat beberapa pagar dengan sekali lompat.<sup>87</sup>

A.M. Azahari menentang gaya Sultan dan mahukan kepimpinan dipindahkan ke tangan rakyat.<sup>88</sup> Rancangan Sultan bagi mengambil alih pentadbiran dan pemerintahan secara beransur-ansur akan menghalang penyertaan rakyat sebaliknya pemerintahan akan terus dikuasai oleh golongan bangsawan. Pemilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah dan MMN bertentangan dengan prinsip demokrasi dan dianggap sebagai "*political patronage*"<sup>89</sup> kerana kebanyakan ahli-ahli yang dilantik terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan yang dipilih oleh Sultan tidak mewakili rakyat.<sup>90</sup>

PRB melihat perlombagaan yang hendak dicapai tidak memberi ruang yang besar terhadap demokrasi yang dijanjikan kerana tidak membolehkan berlakunya perbahasan terhadap dasar-dasar kerajaan. Struktur kerajaan tidak memberi ruang yang cukup untuk PRB memberikan pendapat dan memegang kuasa walaupun

---

<sup>84</sup> Ibid.

<sup>85</sup> Extract From The Sarawak Tribune, 5 November 1957, Constitutional Development 1957-1959, C.O. 1030/461, f. 310.

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> Berita Brunei, 26 September 1957.

<sup>88</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", Malaysia Dari Segi Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil.10, 1981, hal. 118.

<sup>89</sup> Borneo Bulletin, 28 September 1957.

memenangi keseluruhan kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya. MMN walaupun diberi kuasa untuk meluluskan undang-undang, kritikan ke atas sistem kerajaan dan perbelanjaan kerajaan tidak berkesan kerana jumlah ahli-ahli yang dilantik oleh Sultan lebih besar dari ahli yang dipilih. Sementara menunggu tempoh pemilihan Majlis Daerah yang dijangka akan diadakan dua tahun selepas perlembagaan diisytiharkan majlis ini akan diisi oleh pembesar-pembesar tradisional, penghulu-penghulu, ketua kampung dan pegawai-pegawai kerajaan. Ini akan menghalang wujudnya sistem demokrasi seperti mana yang dijanjikan.<sup>91</sup> PRB mahukan pilihan bebas sebagai asas kerajaan akan datang untuk mewujudkan demokrasi yang sebenar;<sup>92</sup>

**Every office holder under the constitutions will hold office at the Sultan's pleasure and this is not democracy.**

Rakyat Brunei dipaksa supaya menerima perlembagaan tersebut kerana British sengaja untuk mengekalkan "*Semi Absolute Monarch*" dengan mengenalkan "*Colonial Administration*" yang bertentangan dengan dasar-dasar demokrasi.<sup>93</sup> Perlembagaan juga bertentangan dengan kehendak demokrasi seperti yang dirancangkan dan tidak membawa sebarang perubahan terutama soal hak rakyat dalam pembahagian kuasa. Jika Sultan mahukan demokrasi Sultan hendaklah menyerahkan kuasa kepada rakyat dan tidak lagi mengambil bahagian dalam politik.<sup>94</sup> PRB juga membantah kuasa

---

<sup>90</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei 1939-1962, hal. 71.

<sup>91</sup> Borneo Bulletin, 12 Disember 1959.

<sup>92</sup> Constitutional Development of Brunei, C.O. 1030/460, f. 135.

<sup>93</sup> Zaini Haji Ahmad, (ed.) The People's Party of Brunei: Selected Documents, Petaling Jaya: Institute of Social Analysis (INSAN), 1989, hal. 139.

<sup>94</sup> Berita Harian, 26 Oktober 1957.

Sultan yang membolehkan baginda memecat dan melantik ahli-ahli MMN kerana ini bertentangan dengan prinsip demokrasi. Peruntukan kerusi ahli-ahli yang dipilih dalam majlis tersebut juga tidak menggambarkan demokrasi sebenar. Demokrasi menurut tanggapan PRB rakyat yang menentukan kerajaan. Pentadbiran negara dipilih oleh rakyat bukan dilantik oleh Sultan.

PRB melihat perlombagaan dan kemerdekaan yang dituntut tidak bermakna dan bukan ke arah berkerajaan sendiri tetapi pentadbiran sendiri. Kerana, Perlombagaan baru ini memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei menasihat semua bidang pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam. Perjanjian “*Brunei Overseas Officers 1959*” telah memberi kuasa kepada kerajaan British untuk mengawal pengagihan jawatan-jawatan penting.<sup>95</sup> Ini menggambarkan perlombagaan bukan untuk membawa Brunei ke hadapan sebaliknya ke belakang. Kerana itu PRB menganggap perlombagaan tersebut tidak mempunyai faedah kepada orang Brunei tetapi untuk Britian, dan sedikit istimewa kepada seseorang yang memuji kerajaan British.<sup>96</sup> PRB membantah dasar perlombagaan ini disebabkan tidak memperuntukkan pilihan raya umum bagi memilih wakil untuk kerajaan.<sup>97</sup>

Sultan Omar Ali Saifuddien III, melihat demokrasi bukan pemerintahan mutlak tetapi dalam bentuk perkongsian. Baginda merasakan dengan memberikan sedikit kuasa kepada rakyat melalui pilihanraya untuk memilih seramai 16 orang daripada 33 orang ahli yang dipilih sudah cukup untuk membawa Brunei ke tahap percubaan

---

<sup>95</sup> Constitutional Change in Brunei, C.O. 1030/528, f. 7.

<sup>96</sup> Ranjit Singh, “The Internal Politics of Brunei in the 1950’s-1960’s”, hal. 5.

<sup>97</sup> Ibid.

pemerintahan demokrasi. Demokrasi mengikut tanggapaan Baginda ialah tanggungjawab untuk memberikan kemudahan dan keperluan yang dikehendaki oleh rakyat. Memberikan kemudahan pendidikan, kesihatan, kesejahteraan, beragama, pembangunan merupakan tujuan utama demokrasi. Kerana itu, perkongsian dengan rakyat dalam menentukan dasar kerajaan adalah juga satu tanggungjawab demokrasi. Walaupun begitu bantahan dan sikap keras yang ditunjukkan oleh PRB tidak menghalang Sultan untuk meneruskan rundingan mengenai perlembagaan tersebut dan menyatakan perubahan besar yang hendak dibuat adalah mengikut kemahuan rakyat dan menurut keadaan masa<sup>98</sup>.

Menurut pendapat PRB, perlembagaan dan kemerdekaan yang diberikan kepada Brunei hanya untuk memberi kuasa sepenuhnya kepada Sultan. Sistem pemerintahan tradisi yang diwujudkan sememangnya menjadi hasrat British. Tujuannya untuk membolehkan pembesar-pembesar konservatif mengambil bahagian dalam pentadbiran sekali gus membolehkan Sultan dan pihak British mempengaruhi dasar. Kerana itu sebarang tuntutan mengenai isu perlembagaan tidak mendapat layanan oleh pihak British. Contohnya, memorandum PRB tidak memberi kesan terhadap perubahan perlembagaan walaupun memorandum tersebut dikatakan atas kehendak rakyat.

Sungguhpun begitu pada praktiknya Sultan bukanlah seorang pemerintah yang kuku besi dan kuasa juga telah dibahagikan kepada pegawai-pegawai yang telah dilantik termasuk pegawai-pegawai utama, iaitu Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan,

---

<sup>98</sup> Borneo Bulletin, 18 Januari 1958.

Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Undang-Undang yang akan mengurus semua pentadbiran tempatan semantara wakil-wakil rakyat yang akan dipilih dalam pilihan raya yang dicadangkan akan duduk dalam MMN untuk memberikan pandangan terhadap dasar kerajaan. Langkah ini setentunya memenuhi keperluan rakyat.

Sebenarnya penentangan yang dilakukan oleh PRB bukan disebabkan oleh kuasa mutlak Sultan kerana manifestonya juga telah menyokong Sultan, memberikan taat setia kepada sultan dan akan menghormati pewaris-pewarinya. Sebaliknya adalah kerana kekecewaan mereka tidak diundang untuk menyertai perundingan di London. Mengikut akhbar Utusan Sarawak pada 21 Mac 1959;<sup>99</sup>

kami merasa dukacita atas sikap yang berkuasa dalam negeri Brunei, kerana kami tidak memerhati dan memadulikan sama sekali PRB itu dengan tidak menjemput mengambil bahagian dalam undangan perlembagaan dengan British

Sultan tidak dapat menerima idea-idea dan matlamat perjuangan PRB yang mendukung perjuangan sosialisme serta banyak dipengaruhi oleh Revolusi Indonesia, politik kekiran Parti Rakyat Malaya dan perjuangan blok Afro-Asia<sup>100</sup> walaupun PRB cuba meletakkan baginda pada kedudukan yang tinggi dan mahu mengembalikan kegemilangan masa silam Brunei. Politik yang tidak matang, sikap agresif para pemimpinnya dan ramainya para pengikut yang masih masih buta huruf tidak dapat menambat hati Sultan untuk bekerjasama dalam perjuangan kemerdekaan.

<sup>99</sup> Utusan Sarawak, 21 Mac 1959

<sup>100</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", hal. 119.

Keupayaan PRB tidak cukup mendirikan kerajaan kerana tidak memahami situasi dalaman Brunei yang serba kekurangan. Parti ini juga tidak mempunyai pendirian dan bertentangan dengan tujuan parti seperti yang pernah diucapkan oleh Othman Latif , Ketua Pejabat Penerangan Pusat PRB dalam kongres kedua parti;<sup>101</sup>

**Kita jangan menentukan bentuk negara kita pada masa ini.  
Sudah merdeka barulah kita boleh menentukan bentuk itu,  
sama ada bentuknya berupa republik atau berbentukkan lain-lain rupa lagi**

Kenyataan ini menunjukkan yang kematangan politik dikalangan pemimpin-pemimpin PRB terlalu lemah dan tidak mempunyai matlamat untuk menggambarkan kekuahan perjuangan parti tersebut.

#### **2.4 Perundingan antara British dan Sultan Brunei**

Peringkat awal kertas cadangan perlembagaan yang telah diluluskan oleh MMN tidak mendapat sokongan positif dari Residen dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Sir Anthony Abell. Keduanya beranggapan perlembagaan yang dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III memungkinkan cita-citanya untuk mengukuhkan kepentingan ekonomi dan pengaruh British ke atas Brunei akan terjejas.<sup>102</sup> Menurut salah seorang ahli MMN yang juga bertanggungjawab dalam penggubalan rangka perlembagaan telah menjelaskan;<sup>103</sup>

---

<sup>101</sup> Berita Brunei, 29 Mei 1958.

<sup>102</sup> Note On Two Main Points Raised By The Sultan In Our Preliminary, September 1957, C.O. 1030/460, f. 2.

<sup>103</sup> Pengiran Haji Mohd Ali Pengiran Mohd Daud, "Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien", Radio Televisyen Brunei, 1986.

Setelah cadangan perlembagaan siap Sultan Omar Ali Saifuddien III terus berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei. Rundingan telah berjalan hampir satu tahun tidak ada reaksi dari British. Apabila perlantikan baru dibuat ke atas ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, isu perlembagaan telah diungkit semula.

Berdasarkan kepada kertas cadangan perlembagaan tersebut jawatan Residen akan dihapuskan dan diganti dengan Pesuruhjaya Tinggi British yang hanya akan bertanggungjawab dalam hal ehwal luar Brunei.<sup>104</sup> Sir Anthony Abell yang juga mempunyai cita-cita mewujudkan fedarasi Borneo<sup>105</sup> menganggap perlembagaan sebagai halangan besar untuk merealisasikan cita-citanya. Kerana itu beliau berusaha menggagalkan rancangan Sultan dengan melambat-lambatkan proses perundingan antara kerajaan Brunei dengan kerajaan British.<sup>106</sup> Perlembagaan juga dilihat akan merengangkan hubungan antara Brunei dengan Sarawak apabila rancangan untuk memisahkan pentadbiran yang telah dimeterai sejak 1948 dilaksanakan. Pemisahan ini bermakna Sarawak akan menghadapi masalah kewangan kerana percantuman pentadbiran Brunei dianggap sebagai sebahagian daripada Sarawak dan dimestikan memberi sumbangan kewangan.<sup>107</sup>

Rangka perlembagaan yang dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III adalah untuk mengambil alih kuasa dalam negeri dengan menghapuskan jawatan British Residen dan mengantikannya dengan jawatan Menteri Besar serta ditambah

---

<sup>104</sup> Note Of Meeting Between Secretary Of State and Highness the Sultan of Brunei held at Colonial Office, September 1957, C.O. 1030/460.

<sup>105</sup> Borneo Federation Proposal, 1953, C.O. 1030/63.

<sup>106</sup> Lihat kenyataan dari Konsul Amerika di Singapura dalam Political Development in British Borneo: Transmittal of Memorandum of Conversation, Foreign Service Despatch from American Consulate General Singapore to the Department of State Washington D.C., RG.59, 746H.03/4-158 HBS 1 April 1958.

pula dengan jawatan Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan dan Pegawai Undang-Undang. Di samping itu disyaratkan pula pegawai-pegawai ini mesti dipegang oleh orang Melayu yang beragama Islam.<sup>108</sup> Bagi menjamin hubungan antara kerajaan Brunei dengan kerajaan British seorang penasihat British akan dilantik yang dikenali sebagai Pesuruhjaya Tinggi British dan bertanggungjawab ke atas hal ehwal pertahanan dan luar negeri Brunei.<sup>109</sup> Pertentangan kepentingan ini menyebabkan Anthony Abell berusaha untuk menangguhkan rancangan Sultan Omar Ali Saifuddien III bagi mendapatkan sebuah perlumbagaan bertulis.<sup>110</sup>

Anthony Abell juga mempunyai cita-cita yang tinggi sebagai tokoh imperialis Borneo. Beliau mengharapkan dengan terwujudnya Persekutuan Borneo Utara kuasa di ketiga-tiga wilayah Borneo dapat disentralisasikan. Rangka awal Persekutuan menunjukkan Anthony Abell ingin menguasai dan mencipta sebuah empayar baru bagi British.<sup>111</sup> Dengan cara ini Sultan Brunei akan kehilangan kuasa dan Brunei boleh bertukar dari sebuah negara naungan menjadi negara jajahan. Jika dilihat kepada jumlah penduduk, orang-orang Melayu akan menjadi golongan minoriti kerana golongan majoriti penduduk di kedua-dua wilayah iaitu Borneo Utara dan Sarawak terdiri dari bukan Melayu dan kematangan politik serta kemajuan yang dicapai dalam bidang pendidikan di kedua-dua wilayah lebih maju jika dibandingkan dengan rakyat

---

<sup>107</sup> British Resident's Office, Brunei to Sir Anthony Abell, High Commissioner for Brunei, 3 Januari 1959, C.O. 1030/658, f.24.

<sup>108</sup> Pengiran Haji Mohd Yusof Pengiran Haji Abd Rahim, "Forun Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III", Radio Televisyen Brunei, 1986.

<sup>109</sup> Note of Meeting with His Highness The Sultan Of Brunei held in Sir John Martin's, 11 September 1957, C.O. 1030/460, f. 4.

<sup>110</sup> Borneo Federation Proposal, 1953, C.O. 1030/63.

<sup>111</sup> Letter from Governor North Borneo to J.B. Johnston, Colonial Office, London, 1 September 1956, C.O. 1030/164.

Brunei. Dengan cara ini Anthony Abell boleh memiliki semula kuasa penuh ke atas Borneo.

Sultan Omar Ali Saifuddien III cukup sedar terhadap sikap dan rancangan ini. Kerana itu baginda terus berusaha untuk mendapatkan perlombagaan bertulis yang membolehkan Sultan mengambil alih semula kuasa dalam negeri untuk memberikan peluang rakyat Brunei menyertai pentadbiran. Baginda secara terang-terang menolak rancangan Anthony Abell untuk Brunei menyertai federasi Borneo dan mencadangkan supaya Brunei dikeluarkan dari rancangan tersebut.<sup>112</sup> Anthony Abell telah berusaha mempengaruhi Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London untuk mendapatkan sokongan dan membujuk Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan mencadangkan supaya British menawarkan Pulau Labuan untuk ditadbir oleh Brunei.<sup>113</sup> Cadangan ini tidak dapat mengubah pendirian Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk meneruskan usaha mendapatkan perlombagaan bertulis kepada Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London.

Rancangan Anthony Abell ini tidak mendapat sokongan Allan Lennox Boyd, Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London<sup>114</sup> kerana bertentangan dengan dasar Kerajaan British untuk memberi kemerdekaan kepada bekas tanah-tanah jajahannya.<sup>115</sup> Ini menyebabkan Anthony Abell menasihatkan Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya terus berunding ke London. Sementara itu Anthony Abell terus

---

<sup>112</sup> Brunei Constitution Development 1957-1959, 11 September 1957, C.O. 1030/460, f. 6.

<sup>113</sup> Arguement in Favour of Labuan Reverting to Brunei Sovereignty, C.O. 1030/164.

<sup>114</sup> Letter from Allan Lennox Boyd to Commissioner General for United Kingdom in Southeast Asia, 25 Mac 1955, C.O. 1030/161.

<sup>115</sup> Far Eastern Economic Review, Vol. XXIV, No.21, 22 Mei 1958, hal. 641.

berusaha untuk mendapatkan sokongan dari Pejabat Tanah-Tanah Jajahan, di London untuk memenuhi cita-citanya mewujudkan Persekutuan Borneo Utara.

Pada November 1954, Anthony Abell telah menghantar R.H. Hickling untuk menyemak dan membuat beberapa perubahan ke atas rangka perlembagaan Brunei yang dicadangkan. Menurut Hickling, perubahan adalah amat perlu kerana rangka perlembagaan yang telah digubal tidak sesuai dengan perubahan dan situasi politik Brunei. Beliau berpendapat, perlembagaan tersebut hanya berlandaskan kepada kegemilangan sejarah lampau Brunei seolah-olah sudah ketinggalan zaman. Cita-cita dan semangat tidak seimbang dengan pendidikan yang ada. Menurutnya:<sup>116</sup>

The scene of personal allegiance has in fact increased the State is a Malay State with a living Constitution based upon a strong sense (sic) of history, and with their health the people are politically ambitious, although their ambitions have not yet been overtaken by general education. All these factors emphasis the need for care to the guiding of Constitutional development in the State.

Kenyataan ini memang ada kebenarannya kerana ketika itu rakyat Brunei memang daif mengenai pelajaran tetapi mempunyai semangat dan kekuatan.<sup>117</sup> Sultan Omar Ali Saifuddien III memang menyedari bahawa pada peringkat psikologi rakyatnya belum mampu untuk mendapatkan sebuah perlembagaan dan belum mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri. Apa yang perlu bagi Baginda ialah mendapatkan semula kuasa. Dengan itu dapatlah disusun sistem yang sesuai untuk rakyat Brunei

---

<sup>116</sup> R.H. Hickling, Memorandum Upon Brunei Constitutional History and Practice, Brunei: Jabatan Museum Brunei, 1955, hal. 29.

<sup>117</sup> Pengiran Mohd Ali bin Pengiran Mohd Daud, "Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali", Radio Televisyen Brunei, 1986.

dan dapat membawa perubahan ke atas Brunei dan rakyatnya. Selagi sistem politik dan pentadbiran Brunei tidak berubah dan masih bergantung kepada Residen rakyat Brunei akan tertinggal kerana Residen British lebih menumpukan kepada kepentingan ekonomi dari meningkatkan taraf sosial rakyat Brunei.

Pada 1955, cadangan perlembagaan mula dibincangkan di London. Pejabat Tanah Jajahan di London tidak senang dengan beberapa hal terutama mengenai dengan kuasa Residen. Pihak British ingin mengekalkan kuasanya dan menolak cadangan terhadap perlantikan Menteri Besar yang mereka anggap belum ada rakyat Brunei yang mampu untuk menjalankan tugas tersebut. Mereka perlu menunggu sekurang-kurangnya lima tahun akan datang<sup>118</sup>. Perlantikan ini juga secara tidak langsung akan mengurangi pengaruh British ke atas Brunei.<sup>119</sup> Pada Mei 1955, secara umum cadangan mengenai penyusunan dan tugas '*Privy, Executive and Legaslative Council*' telah siap disusun untuk dibincangkan. Dalam penyusunan tersebut ternyata pihak British enggan menyerahkan tugas dan kuasa Residen. Rangka yang telah disusun mahu mewujudkan semacam '*Colonial Constitutions*' kerana masih mahu mempertahankan kuasa Residen dalam ketiga-tiga Majlis tersebut.<sup>120</sup> Untuk menjamin kuasa dan pengaruhnya akan terus kekal di Brunei pihak British hanya memberi kuasa-kuasa tertentu kepada Sultan. Apabila perbincangan antara kedua pihak dimulakan pihak British masih lagi beranggapan yang Sultan Omar Ali Saifuddien III akan dapat memberi kerjasama dengan pihaknya asalkan kedudukan baginda di atas takhta tidak

---

<sup>118</sup> Minute From G.C. Whiteley To Mr. Saul, 10 Mei 1956, C.O .10130/114, f. 7.

<sup>119</sup> Minute From J.B. Johnston To Sir J. Martin, 1 Jun 1956, C.O. 10130/114, f. 8.

<sup>120</sup> Brunei Constitutional Proposals, November 1955, C.O. 1030/114, f. 103.

tergugat dan kedudukan pewaris-pewarisnya akan tetap terjamin.<sup>121</sup> Ini mungkin disebabkan keyakinan pihak British terhadap latar belakang pendidikan yang diterima oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak, akan melahirkan seorang pemimpin yang mahu memberi kerjasama dengan pihak British.

Pada 5 September 1957, Sultan Omar Ali Saifuddien III dan rombongan seramai tujuh orang yang terdiri dari Duli Pengiran Pemanca Peduka Haji Muhammad Alam, Pehin Dato Perdana Manteri Paduka Haji Ibrahim, Pengiran Ali Pengiran Mohd Daud, Pengiran Abu Bakar, Dato Marsal Maun, Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohd Taha dan Pengiran Haji Mohd Yusof Pengiran Haji Abd Rahim telah bertolak ke London untuk mengadakan perundingan secara langsung dengan Pejabat Tanah-Tanah Jahajan di London.<sup>122</sup> Pada 11 September 1957, rundingan telah dimulakan. Kerajaan Brunei diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan kerajaan British diwakili oleh John Martin sebagai wakil Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London.<sup>123</sup> Perbincangan pertama ini berkisar mengenai pemilihan ahli dalam MMD dan MMN, lantikan Menteri Besar serta kuasa dan tugas-tugas Pesuruhjaya Tinggi dan Residen British.

Mengenai pemilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah dan MMN, Sultan setuju untuk mengadakan pemilihan secara undi sulit (*secret ballot*) untuk memilih ahli Majlis Mesyuarat Daerah dan perwakilan ke MMN sebagai memenuhi janji baginda kepada rakyat dan mengurangkan ketegangan dengan PRB. Sikap Baginda

---

<sup>121</sup> Ibid.

<sup>122</sup> Pengiran Mohd Yusof Pengiran Haji Abd Rahim, Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien, Radio Televisyen Brunei, 1986.

bertolak ansur dengan rakyat sangat dihargai dan dipuji oleh Setiausaha Negara, Allan Lennox Boyd. Beliau mengatakan;<sup>124</sup>

His Highness was right to pay attention to the growing feeling of nationalism every where in the world and to the desire of all peoples to have a say in their own government.

Pujian ini tidak memberikan sebarang kesan untuk mengubah pendirian baginda terhadap tuntutan mewujudakan jawatan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negera bagi menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dulunya dipikul oleh Residen British ke Brunei dan jawatan tersebut mestilah wujud serentak dengan pengisytiharan perlembagaan. Sultan Omar Ali Saifuddien III juga menuntut supaya kuasa Pesuruhjaya Tinggi British tidak dinyatakan dalam perlembagaan; sebaliknya dinyatakan dalam sebuah perjanjian yang berasingan.<sup>125</sup> Jika tuntutan ini tidak direstui dan dipersetujui oleh kerajaan British cita-cita untuk membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri dalam negeri akan mencapai kegagalan. Kegagalan ini juga akan menjatuhkan imej dan kewibawaan baginda di mata rakyat Brunei sendiri. Kerana itu, Sultan Omar Ali Saifuddien III terus menuntut supaya Kerajaan British meluluskannya. Mengikut kenyataan Dato Marsal Maun, “*rombongan Brunei tidak akan kembali selagi tuntutan tersebut tidak mendapat persetujuan walaupun perundingan berjalan selama satu tahun*”.<sup>126</sup>

---

<sup>123</sup> Note of Meeting Between The Secretary of State and His Highness The Sultan of Brunei, 11 September 1957, C.O. 1030/460.

<sup>124</sup> Ibid., 27 September 1957, C.O. 1030/460, f.1.

<sup>125</sup> Ibid.

<sup>126</sup> Dato Marsal Maun, “Forum Pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien”, Radio Televisyen Brunei, 1986.

Pihak British cuba menolak tuntutan mewujudkan jawatan Menteri Besar serentak dengan pengisytiharan perlembagaan demi untuk mempertahankan kuasa dan kedudukan Residen dengan mencadangkan supaya lantikan tersebut dibuat selepas dua tahun perlembagaan dikuatkuasakan. Menurut British, perubahan secara tergesa-gesa tidak praktikal jika dijalankan dengan serentak;<sup>127</sup>

*... he did not think it would be practicable or wise to make such an important change at the same time as the new constitution was introduced.*

Mengikut pandangan British, oleh kerana perubahan ini merupakan sebagai satu perubahan yang besar, masa yang cukup perlu diberi sehingga perjalanan perlembagaan baru itu mantap dan dapat bergerak sendiri. Tanggungjawab Menteri Besar bukanlah bersifat sementara dan seorang calon yang akan memegang jawatan tersebut mestilah dibimbing terlebih dahulu supaya dapat melaksanakan dengan baik. Di kalangan rakyat Brunei sendiri belum ada seorang pun calon yang mempunyai kualiti yang diperlukan.<sup>128</sup> Hal ini menyebabkan Allan Lennox Boyd menasihatkan Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya menerima nasihatnya iaitu jangan terlalu terburu-buru dalam melakukan sesuatu perubahan.

Baginda terus menolak dan mendesak Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London meluluskan tuntutan tersebut. Baginda menjelaskan dengan mengimbas kembali terhadap tugas dan kewajipan kerajaan British ke atas Brunei sebagai sebuah negara

---

<sup>127</sup> Note On Two Main Points Raised by The Sultan In Our Preliminary, 11 September 1957, C.O. 1030/460.

<sup>128</sup> Ibid.

naungan. Baginda menjelaskan kewajipan kerajaan Baginda Queen untuk memelihara peraturan dan undang-undang dan meningkatkan kemakmuran negeri dan rakyat Brunei. Pihak British tidak seharusnya menghalang jika jawatan tersebut diambil alih supaya tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipegang oleh Residen British dapat dijalankan oleh rakyat Brunei.<sup>129</sup>

Dalam tuntutan ini Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak mahu bertolak ansur. Baginda terus mempertahankan supaya lantikan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri dibuat serentak dengan pengisytiharan perlembagaan. Baginda menjelaskan, tuntutan ini telah dibuat sejak 1953 dan bukanlah baru. Dalam rundingan awal dengan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Sir Anthony Abell setuju supaya lantikan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dijalankan selepas dua tahun perlembagaan dua tahun dikuatkuasakan. Baginda cukup yakin tuntutan mengadakan perlembagaan bagi Negeri Brunei akan dapat dijalankan pada 1954. Ini bermakna lantikan Menteri Besar dan pegawai lainnya hanya akan direalisasikan pada 1956. Ini bertentangan dengan kemahuan baginda kerana itulah baginda mendesak supaya jawatan tersebut berjalan serentak dengan perlembagaan. Lebih-lebih lagi pegawai yang bertanggungjawab untuk memegang jawatan tersebut telah ada.<sup>130</sup>

Dengan desakan dan kewibawaan Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam rundingan tersebut, baginda mencapai kejayaan apabila kerajaan British bersetuju untuk menghapuskan jawatan Residen British dan menggantikannya dengan jawatan Menteri Besar. Untuk mengekalkan kuasa dan pengaruhnya ke atas Brunei, seorang

---

<sup>129</sup> Ibid.

Pesuruhjaya Tinggi British akan dilantik menggantikan jawatan Residen dengan kuasa-kuasa yang terhad iaitu untuk menasihat Sultan mengenai hal ehwal pertahanan dan hubungan luar negeri Brunei.

Oleh kerana pihak British menyedari kuasa dan pengaruhnya akan berkurangan, Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London telah memaksa supaya Sultan Omar Ali Saifuddien III menerima cadangan untuk memasukkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi ke dalam perlembagaan Brunei. British merasakan kuasa dan pengaruh British tidak akan berkesan jika hanya dimasukkan dalam syarat-syarat perjanjian baru yang akan ditandatangani di antara kerajaan Brunei dengan kerajaan baginda Queen, seperti yang dijelaskan oleh John Martin;<sup>131</sup>

**The Secretary of State had been advised that it would not be sufficient for these powers of the High Commissioner to be contained in the Agreement only. In order to have full legal effect they must be included in the Constitution Enactment. It was also important that people should see clearly what the High Commissioner's powers were**

Baginda terus menolak terhadap rancangan British untuk “*that the High Commissioner's power be referred to in the Agreement*”<sup>132</sup> dan ke dalam perlembagaan yang dituntut kerana baginda menjelaskan perlembagaan ini bukanlah kehendak baginda sendiri bahkan juga atas kehendak rakyat Brunei. Akhirnya kerajaan British terpaksa bersetuju untuk tidak memasukkan kuasa pesuruhjaya Tinggi British ke dalam Perlembagaan Brunei yang akan ditandatangani antara kedua kerajaan. Tugas-tugas dan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British akan dibuat dalam satu

---

<sup>130</sup> Ibid.

<sup>131</sup> Ibid.

perjanjian yang berasingan. Kejayaan ini juga telah menghancurkan cita-cita Anthony Abell untuk menubuhkan fedarasi Borneo walaupun mendapat sokongan dari Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London.

Kejayaan Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam tuntutannya supaya dimansuhkan jawatan Residen dan diwujudkan jawatan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negara bermakna Brunei dapat mencapai taraf berkerajaan sendiri dalam negeri. Kejayaan ini tidak disenangi oleh British dan Pesuruhjaya Tingginya. Menurut Pesuruhjah Tinggi British ke Brunei, penarikan kuasa sepenuhnya secara mendadak akan memberikan risiko yang tinggi kepada pengaruh British kerana pihak British belum berpuas hati terhadap kepentingan ekonomi Brunei yang kaya dengan hasil minyak itu.<sup>133</sup> Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, terus berusaha untuk mempastikan kuasa dan pengaruh British ke atas Brunei kekal. Beliau mempengaruhi Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan British di London untuk mendesak supaya Sultan Omar Ali Saifuddien III bersetuju menyertai Persekutuan Borneo yang dicadangkan. Sultan Omar Ali Saifuddien III terus menolak kecuali atas permintaan rakyatnya.<sup>134</sup>

Untuk mendapatkan kepastian mengenai draf perlembagaan yang telah dibincangkan pada 1957, pada pertengahan Mac 1959, Sultan Omar Ali Saifuddien III sekali lagi berangkat ke London bagi membincangkan draf perlembagaan baru hasil pindaan-pindaan yang telah dibuat dalam rundingan pertamanya pada bulan September

---

<sup>132</sup> Ibid., 27 September 1957.

<sup>133</sup> Ibid., 11 September 1957.

<sup>134</sup> Ibid., 30 September 1957.

1957. Baginda juga mengharapkan supaya perlombagaan ini akan dapat direalisasikan pada 1 Julai 1959 dan tidak lewat pada 30 September 1959.<sup>135</sup> Perundingan telah diadakan selama 14 hari di London bermula pada 23 Mac 1959 sehingga 6 April 1959 di antara Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan dengan rombongan Brunei seramai 10 orang yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III.<sup>136</sup> Untuk penggubalan perlombagaan dan undang-undang Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mendapat khidmat dari Dato Penglima Bukit Gantang Haji Abd Wahab yang dipinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Nigel Lawson Q.C salah seorang peguam yang terkenal di London.<sup>137</sup> Antara perkara-perkara penting yang dikemukakan oleh Kerajaan Brunei untuk dibincangkan dalam perundingan tersebut ialah penyerahan semua kuasa pemerintahan dalam negeri kepada Sultan Brunei, perlindungan kepada Brunei, pemisahan pentadbiran di antara Brunei dengan Sarawak, pembentukan tiga buah majlis iaitu majlis-majlis MMD, MMN dan Mesyuarat Diraja pilihan raya untuk Majlis Mesyuarat Daerah dan perwakilan Majlis Mesyuarat Negeri serta peluang kepada rakyat mengendalikan pentadbiran dalam negeri.<sup>138</sup>

Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei Sir Anthony Abell dan Residen British D.C. White tidak disertakan dalam jawatankuasa perunding kedua pihak; cuma duduk sebagai pemerhati. Ini adalah atas permintaan Sultan Omar Ali Saifuddien III kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London, Allan Lennox Boyd. Sultan Brunei bimbang keduanya akan menjadi batu penghalang setiap cadangan-cadangan yang

<sup>135</sup> Summary Record of the fifth Plenary Session held at the Colonial Office, 13 April 1959, C.O. 1030/526, f. 14.

<sup>136</sup> Brunei Constitutional Conference Meeting Minutes 1959, C.O. 1030/526.

<sup>137</sup> Ibid.

<sup>138</sup> Summary Record of The Fourth Plenary Session held at the Colonial Office, 3 April 1959, C.O. 1030/526, ff. 15-22.

akan dikemukakan kerana keduanya memahami dan mengetahui secara dekat hal dalaman Brunei.<sup>139</sup>

Walaupun Anthony Abell dan D.C. White tidak disertakan dalam jawatankuasa perunding demi menghormati kehendak Sultan Omar Ali Saifuddien III tetapi pihak British sangat memerlukan pandangan mereka mengenai keperluan-keperluan untuk mendapatkan dan mempertahankan pengaruh British ke atas Brunei. Sebelum perundingan rasmi diadakan beberapa orang dari jawatankuasa perunding British telah mengadakan mesyuarat di London dengan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Sir Anthony Abell dan Residen British, D.C. White pada 9 hingga 16 Mac 1959. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh E.Melville.<sup>140</sup> Dalam mesyuarat ini, Abell telah mendorong supaya perwakilan British terus mempertahankan kuasa pertahanan dan keselamatan dalam negeri hendaklah dimasukkan ke dalam perlembagaan di bawah peruntukan peruntukan mengenai *reserved power*. Abell mahu supaya pihak British mempunyai kuasa yang berkesan ke atas undang-undang dengan meletakkan Ketua Polis di bawah kawalan British dan Kerajaan British boleh memasuki Brunei tanpa menunggu persetujuan Sultan. Mesyuarat ini juga mencadangkan supaya nama jawatan bagi *British Adviser* ditukar kepada *High Commissioner* dan mahukan supaya Menteri Besar bekerja dengan Residen Residen sebelum mengambil alih tugas secara rasmi.

---

<sup>139</sup> Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Politik Brunei, 1945-1967, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hal.195.

<sup>140</sup> Record of the Meeting held on 9-16 Mac 1959, C.O. 1030/526.

Pandangan Anthony Abell dan D.C.White telah mempengaruhi jawatankuasa perunding British yang kemudiannya mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III menerima beberapa cadangan mengenai kedudukan kuasa dan pengaruh Pesuruhjaya Tinggi British dalam usaha menangguhkan lantikan Menteri Besar. Kerajaan British mencadangkan supaya Menteri Besar yang akan dilantik perlu menerima bimbingan Residen British terlebih dahulu sebelum menerima tugas rasmi. Kerajaan British menganggap tugas tersebut amat berat dan memerlukan pegawai yang berkelayakan. British melihat belum ada rakyat Brunei yang mampu memikul tanggungjawab tersebut. Kerana itu ia perlu diberi bimbingan. Ini menggambarkan pihak British tidak rela untuk menyerahkan kuasa. Cadangan ini ditolak oleh Marsal Maun dengan alasan rakyat Brunei sudah bersedia untuk menerima tanggungjawab tersebut kerana sebelum perlembagaan diberikan rakyat Brunei telah diberikan latihan yang cukup.<sup>141</sup> British juga mahu kuasa ke atas Pesuruhjaya Tinggi British tidak terhad kepada hal ehwal pentadbiran tetapi diperluaskan meliputi pertahanan, keselamatan dalam negeri dan hal ehwal luar Brunei. Untuk menjaga kepentingan hubungan dan keselamatan Brunei serta memandangkan kemampuan rakyat Brunei yang terhad, Sultan Omar Ali Saifuddien III bersetuju. Akhirnya Baginda telah berjaya mendapatkan apa yang dihajatkan iaitu kuasa dan lantikan Menteri Besar. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju menandatangani satu perjanjian baru untuk menggantikan Perjanjian 1905/06.

---

<sup>141</sup> Brunei Constitutional Conference Meetings Minutes 1959, 23 Mac 1959, C.O. 1030/526.

Hasil dari perundingan ini jelas menunjukkan bahawa Sultan Omar Ali Saifuddien III inginkan supaya Brunei diberikan '*internal self government*'.<sup>142</sup> Sultan Omar Ali Saifuddien III, berpendapat baginda lebih tahu tentang keperluan kerajaan dan rakyatnya. Perlembagaan amat sesuai. Jika kemerdekaan hendak dicapai ia mestilah dilakukan dengan cara yang sederhana dan berperingkat-peringkat sebelum rakyat Brunei mengambil alih semua kuasa.

Walaupun perlembagaan tidak menyerahkan semua kuasa dan hak kedaulatan Brunei dari tangan British namun baginda telah berjaya menebus kembali hak kedaulatan, identiti dan tradisi Brunei secara beransur-ansur sebagai sebuah negara Melayu yang bersultan. Brunei akan diberi taraf berkerajaan sendiri dalam negeri sebagai langkah pertama ke arah pembentukan sebuah kerajaan perwakilan. Ini bermakna Brunei akan menuju ke arah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Menurut baginda, Perlembagaan telah menjanjikan penyertaan rakyat dalam pentadbiran apabila MMN dan MMK dibentuk. Ahli-ahli kedua majlis akan dipilih oleh rakyat dalam satu pilihan raya. Rakyat akan diberi peluang untuk memilih wakil-wakil mereka dalam majlis-majlis itu nanti. Baginda juga berpendapat, langkah ini merupakan satu keistimewaan kepada rakyat menyertai pentadbiran kerajaan supaya lebih berkesan untuk menjamin kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan. Konsesi ini adalah satu keistimewaan dan bukanlah sebagai satu lesen membolehkan rakyatnya bebas bercakap.

---

<sup>142</sup> Ibid.

Pada 29 September 1959, satu upacara menandatangani perjanjian telah dibuat di Bandar Brunei antara Kerajaan Brunei yang diwakili oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Kerajaan British yang diwakili oleh Pesuruhjaya Agung British bagi Asia Tenggara, Sir Robert Scott dan wakil Gabenor Sarawak F.D. Jakeway.<sup>143</sup> Terdapat dua dokumen yang berasingan dalam upacara ini. Pertama mengenai Perjanjian 1959 dan kedua mengenai Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Peristiwa ini merupakan satu lembaran baru dalam sejarah perkembangan politik Brunei apabila Brunei beroleh taraf berkerajaan sendiri dalam negeri. Baginda percaya perlembagaan tersebut akan memberi peluang kepada rakyat Brunei untuk sama-sama memikul tanggungjawab dalam menjalankan pentadbiran Brunei menuju era kemerdekaan seperti mana yang dititahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien semasa upacara tersebut:<sup>144</sup>

Perlembagaan yang baru Beta masyhorkan adalah satu langkah yang besar dalam kemajuan Perlembagaan Negeri ini menuju ke arah berkerajaan sendiri yang penuh dan merdeka. Ini akan bermakna tanggung jawab yang lebih besar akan dipikul oleh pegawai-pegawai Negeri ini dan juga oleh rakyat mereka sendiri menerusi wakil-wakil mereka di dalam Majlis Mesyuarat Negeri

Ini bermakna sistem pemerintahan baru yang berasaskan demokrasi berparlimen yang cuba diperkenalkan oleh Sultan kepada rakyat bukanlah sistem demokrasi sebenar cuma demokrasi terhad.

---

<sup>143</sup> Pelita Brunei, 29 September 1959.

## 2.5 Perjanjian 1959 dan Perlembagaan 1959

Berdasarkan kepada Perjanjian 1959 kerajaan British masih kekal bertanggungjawab ke atas hal ehwal luar, pertahanan dan keselamatan Brunei seperti yang terkandung dalam fasal 3(I) perjanjian. Jawatan Residen British telah dimansuhkan dan diganti oleh seorang Menteri Besar yang akan dilantik oleh Sultan. Beliau akan mengambil alih tugas-tugas residen bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kuasa eksekutif dalam negeri Brunei. Untuk menjamin hubungan British dengan Brunei dan kedudukannya di negeri ini, seorang penasihat British yang dikenali sebagai Pesuruhjaya Tinggi dan akan menetap di Brunei akan dilantik untuk menasihati Sultan dan kerajaan dalam semua hal kecuali agama Islam dan adat istiadat Melayu.<sup>145</sup> Setiap nasihat mestilah dipatuhi.<sup>146</sup> Perjanjian ini melarang kerajaan Brunei membuat sebarang perhubungan, perjanjian dan pakatan politik dengan negeri-negeri lain tanpa persetujuan kerajaan British.<sup>147</sup>

Sungguhpun perjanjian ini dianggap sebagai satu perjanjian baru di antara kedua pihak bagi menggantikan Perjanjian 1905/1906 yang akan dimansuhkan namun perjanjian ini telah menimbulkan persoalan sejauhmana Brunei telah menerima taraf berkerajaan sendiri dalam negeri. Perjanjian 1959, yang telah dipersetujui oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak banyak membawa perubahan kerana British masih mempunyai kuasa ke atas hal ehwal dalam negeri Brunei. Walaupun Pesuruhjaya Tinggi

<sup>144</sup> Titah 1959-1967 Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1971, hal. 54.

<sup>145</sup> Brunei Constitutional Conference Meeting Minutes 1959 f.22, 26 Mac 1959, f.28, C.O. 1030/526.

<sup>146</sup> Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei, Brunei: Simon Marinus, Brunei, Perkara 4(1).

<sup>147</sup> Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei, Perkara 3 (1) a.

tidak menjadi ahli dalam MMN tetapi beliau masih duduk dalam MMK dan Majlis Mesyuarat Diraja.

Satu lagi perjanjian yang ditandatangani ialah Perjanjian “*Overseas Officers Agreement 1959*”. Perjanjian ini bukan saja dianggap menghalang penyertaan rakyat dalam pentadbiran bahkan kebanyakannya jawatan-jawatan penting dalam kerajaan telah dipegang oleh pegawai-pegawai British dan setiap perlantikan mestilah mendapat kelulusan dari kerajaan British. Selain itu banyak jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam telah dipenuhi oleh pegawai-pegawai dagang sedangkan jabatan bertanggungjawab terhadap pelantikan, penukaran dan pelucutan jawatan seseorang pegawai. Setiap keputusan tidak boleh dibuat atau dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan dari London. Berdasarkan kepada perjanjian ini kedudukan Pesuruhjaya Tinggi British menggambarkan Brunei masih bernaung di bawah kerajaan British. Dengan kata lain, proses penaungan terus berjalan ke atas Brunei walaupun kerajaan British telah menyerahkan kuasa dalam negeri kepada Sultan dan memberi taraf berkerajaan sendiri kepada Brunei. Persoalannya kenapa Sultan Omar Ali Saifuddien III berpuas hati dengan perjanjian ini.

Ada beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan. Pertama Sultan Omar Ali Saifuddien III sedar akan keperluan kerajaan dan keupayaan rakyat Brunei yang terhad. Perjanjian ini memberi kesempatan Kerajaan dan rakyat Brunei membuat persediaan untuk melatih rakyat Brunei sendiri untuk mengisikan kekosongan jawatan-jawatan tersebut sebaik mampu untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Perjanjian 1959, yang telah ditandatangai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak boleh dipandang sebagai satu objek cemuh terhadap baginda dan dianggap seolah-

olah baginda mahu mengukuhkan kedudukan baginda sendiri semata-mata sekali gus membiarkan rakyat dan negeri Brunei terus di bawah pemerintahan British sebaliknya kemampuan rakyat Brunei untuk memerintah perlu diukur. Kesedaran baginda tentang kekurangan sumber tenaga manusia yang mampu untuk menjalankan pentadbiran kerajaan dengan berkesan menyebabkan beginda merasa perlu perjanjian tersebut dibuat untuk membenarkan tugas-tugas tersebut diberikan kepada pegawai-pegawai dagang untuk semantara waktu. Sebagai contoh semasa perundingan perlombagaan dibuat belum terdapat seorang pun rakyat Brunei lepasan universiti. Menyedari keadaan sedemikian kuasa otonomi dalam negeri yang telah diperolehi telah dipergunakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan sebaiknya untuk membuat persiapan bagi melatih tenaga manusia yang bakal mengisi kekosongan apabila mereka sudah cukup bersedia untuk mengendalikan pentadbiran dalam negeri.

Keadaan ini telah menimbulkan kemarahan PRB yang menjadikannya sebagai alat bagi membangkitkan sentimen anti-Malaya dan provokasi menentang kerajaan<sup>148</sup> seolah-olah para pemimpin PRB tidak memahami keadaan sebenar. Bagi PRB, yang menjadi ukuran bukanlah pengetahuan atau kemampuan tetapi apa yang perlu kerajaan British menyerahkan sepenuhnya kuasa pemerintahan kepada kerajaan Brunei.

Perlombagaan 1959 telah memberi kuasa tertinggi memerintah dalam negeri kepada.<sup>149</sup> Peruntukan ini bukan saja membolehkan Sultan menguasai semua badan-badan eksekutif termasuk hal ehwal agama Islam bahkan bertanggungjawab dalam

---

<sup>148</sup>D.S. Ranjit Singh, "Brunei In International Cross-Currents 1946-1963", Jurnal Hubungan Antarabangsa, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Vol.II, 1974-1975.

<sup>149</sup>Surat-Surat Perlombagaan Negeri Brunei, Bahagian 3 Perkara 4(1).

menentukan dasar kerajaan. Tugas-tugas residen akan diambil alih oleh Menteri Besar yang "*responsible to the sultan for the exercise in the state of all executive authority*"<sup>150</sup>. Beliau akan dibantu oleh Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Peguam Negara untuk menjalankan dasar pentadbiran. Perlembagaan juga telah memperuntukkan pembentukan MMK dan MMN yang tugas dan tanggungjawab majlis-majlis ini telah dibincangkan di atas. Ini membolehkan Brunei membentuk sebuah kerajaan berperwakilan seakan-akan sebuah pemerintahan demokrasi berparlimen. Dengan ini juga rakyat diberi peluang memilih wakil-wakil mereka untuk menjadi ahli dalam majlis-majlis tersebut menerusi satu pilihan raya yang akan diadakan dua tahun dari tarikh pengisytiharan perlembagaan.

Berdasarkan Perlembagaan 1959, kuasa pemerintahan telah diserahkan kepada Sultan untuk meneruskan dasar dan mempertahankan sistem politik tradisi yang disesuaikan dengan keadaan semasa untuk menjelaskan sebuah Kesultanan Brunei Moden yang dapat menjadi "*a model for the whole of the east*".<sup>151</sup> Sultan bukan saja dapat dipandang sebagai satu lambang identiti negeri Melayu bahkan dalam kontek politik baginda adalah puncak kuasa kerana kedudukan sultan adalah mengatasi kuasa politik. Perlembagaan telah memberi kuasa eksekutif sepenuhnya kepada sultan dalam semua bidang termasuk agama Islam. Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Negeri yang dibentuk jelas tidak diberi kuasa sepenuhnya. Keputusan yang

---

<sup>150</sup> The Daily Star, 27 Februari 1963.

<sup>151</sup> Abu Bakar Hamzah, "Brunei Darussalam Continuity and Tradition", Southeast Asian Affairs, 1989, hal. 91.

diambil dalam penentuan dasar tidak boleh disahkan dan dilaksanakan melainkan dengan persetujuan Sultan.<sup>152</sup>

Dengan terbentuknya MMN dan MMK yang baru bermakna Majlis Negeri yang ada sebelum ini yang dianggotai oleh golongan pembesar tradisional, pegawai-pegawai Inggeris dan dua orang Cina telah mansuh<sup>153</sup> dan tidak lagi berfungsi sebagai Majlis Eksekutif dan Legislatif Ahli-ahli dalam majlis yang baru ini akan dipilih oleh rakyat.<sup>154</sup> Satu model baru telah wujud dalam sejarah politik Brunei apabila sultan membahagikan sebahagian kuasa politik dan pentadbiran kepada rakyat dan mencantumkan sistem pentadbiran tradisi dengan sistem moden yang belum pernah dilakukan oleh sultan-sultan sebelumnya. MMN dijadikan saluran untuk menyampaikan keperluan-keperluan rakyat seperti yang dilakukan oleh negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Majlis ini juga akan dijadikan nadi penggerak masa depan Brunei dalam menentukan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Penyertaan rakyat menyertai pentadbiran negeri semakin luas seperti yang dihasratkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam titah baginda;<sup>155</sup>

Tahun baru ini juga menandakan setapak lagi kemajuan dalam sejarah Brunei yang panjang kerana telah menjadi hasrat beta untuk memberikan rakyat beta sebuah perlumbagaan yang membolehkan kita memikul sendiri tanggungjawab pentadbiran dalam negeri dan untuk membolehkan beta mendapat nasihat daripada wakil-wakil yang terpilih dari kalangan rakyat beta.

<sup>152</sup> Surat-Surat Perlembagaan Negari Brunei, Bahagian V Perkara 19 (1).

<sup>153</sup> Despatch List to All Members of State Council, 1956, BA/12837/78.

<sup>154</sup> Surat-Surat Perlembagaan Negari Brunei, Bab 27, (2).

<sup>155</sup> Borneo Bulletin, 20 Disember 1958.

MMK dipengerusikan oleh Sultan. Majlis ini mengandungi tujuh orang ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) dan tujuh orang ahli tidak rasmi yang akan dipilih dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah (MMD). Ahli-ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) terdiri dari Wazir, Pesuruhjaya Tinggi, Menteri Besar, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Agama, Setiausaha Kerajaan dan seorang ahli rasmi dari MMN. Di peringkat operasi Majlis ini hanya boleh bersidang atas persetujuan dan titah sultan dan sultan boleh menolak sebarang cadangan dan membatalkan keputusan yang telah diambil oleh majlis dengan cara bertulis.

MMN dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai wakil sultan. Seramai 33 orang ahli akan dilantik yang terdiri daripada lapan orang ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) iaitu Wazir, Peguam Negara, Peguam Negara, Penasihat Agama dan seorang ahli tambahan kerana jawatan (ex-officio). Selain itu seramai enam orang ahli rasmi yang dilantik dari kalangan pegawai kerajaan enam belas orang ahli tidak rasmi dan tiga ahli yang dilantik menurut budi bicara sultan. Pemilihan bagi ahli-ahli tidak rasmi dari ahli-ahli MMD dibuat melalui undi sulit dalam satu pilihan raya yang akan diadakan dua tahun selepas perlembagaan diistiharkan. Melalui pilihan raya ini rakyat akan memilih wakil-wakil mereka untuk duduk dalam MMN Sultan dan Pesuruhjaya Tinggi tidak akan duduk dalam Majlis ini.

Perlembagaan merupakan sebagai langkah pertama Brunei ke arah mengambil alih semua kuasa. Tempoh ini membolehkan Brunei membuat persiapan untuk menyediakan infrastruktur pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat terutama menyediakan peluang-peluang pendidikan bagi melahirkan golongan

pentadbir yang akan menerajui pemerintahan dan mengisi jawatan-jawatan penting bagi menggantikan pegawai-pegawai dagang dan membentuk pasukan keselamatan yang cukup bagi menjamin keamanan negeri.

Pada dasarnya perlembagaan ini mahu mewujudkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen seperti yang diamalkan di Persekutuan Tanah Melayu tetapi bentuknya berlainan, iaitu bentuk pemerintahan “*Demokrasi Terpimpin*”<sup>156</sup> dengan kuasa politik dan pentadbiran terletak dalam tangan Sultan. Setiap perubahan dalam polisi dan pentadbiran perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Sultan dan pemerintahan dan pentadbiran yang dijalankan adalah atas nama Sultan. Ahli-ahli dalam MMK dan MMN hanya terdiri daripada orang-orang yang dipilih dan mendapat persetujuan Sultan selama tempoh baginda masih berkehendakkan perkhidmatan mereka.

Sungguhpun perlembagaan memberikan kuasa penuh dalam negeri kepada Sultan tetapi Perjanjian 1959, hanya memperuntukkan kuasa tersebut secara terhad kerana perjanjian itu mensyaratkan Pesuruhjaya Tinggi British bertanggungjawab untuk menasihat Sultan dan kerajaan Brunei dan setiap nasihat mesti dipatuhi. Dari segi status Kerajaan Brunei masih di bawah naungan British walaupun telah diberikan taraf berkerajaan sendiri.

Sultan Omar Ali Saifuddin III yang mendapat sokongan para pembesar dan para pegawai tradisional mempunyai wawasan sendiri untuk menghalakan politik Brunei. Baginda mahukan kuasa politik dan kedudukan Kesultanan Brunei terus terjamin sebagai sebuah negara naungan British. Baginda mahukan Brunei

---

<sup>156</sup> Ranjit Singh, “The Internal Politics of Brunei in The 1950's and 1960's”, hal. 2.

berkerajaan sendiri supaya dapat memperkenalkan demokrasi yang terhad secara berperingkat-peringkat. Demokrasi yang hendak diperkenalkan hanya untuk memberi peluang kepada rakyat menyertai pentadbiran bukan kuasa dan pada hemat sultan ia merupakan satu keistimewaan atau anugerah kepada rakyat Brunei;<sup>157</sup>

**Baik juga, dalam fikiran beta menyatakan bahawa dalam menggunakan anugerahan [sic] ini tuan-tuan akan memandang itu sebagai satu anugerahan [sic] dan bukanlah sebagai satu hak membenarkan tuan-tuan mengeluarkan apa-apa perkataan sekehandak hati.**

Disebabkan Brunei bukannya sebuah negeri jajahan British, maka Sultan Omar Ali Saifuddien III beranggapan institusi kesultanan Brunei tetap terpelihara. Kerana itu, selaku Sultan, baginda bertanggungjawab ke atas dasar dan polisi pentadbiran Brunei untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyatnya. Baginda yakin setiap langkah yang diambil merupakan pilihan yang tepat dan terbaik untuk rakyat Brunei sepetimana yang dititahkan baginda;<sup>158</sup>

**Negeri Brunei ini, ialah sebuah negeri Melayu yang merdeka yang mempunyai sultan yang berdaulat... dan saya jadi sultan yang bertanggung jawab di atas dasar dan muslihat negeri serta menjaga dan memelihara keselamatan kamu.**

Perlembagaan ini telah berjaya untuk menjamin kedudukan Sultan dan pewarisnya untuk terus mewarisi takhta kerajaan Brunei yang akan terus menjadikannya sebagai sebuah negara Melayu, Islam Beraja yang akhirnya ungkapan ‘Melayu Islam Beraja’ menjadi falsafah negara. Agak menarik juga bahawa dalam melaksanakan pemerintahan baginda boleh dikatakan tidak menggunakan kuasa yang

---

<sup>157</sup> Pelita Brunei, 4 November 1959.

dimilikinya dengan sewenang-wenang. Baginda juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga rakyat turut sama memikul tanggung jawab pentadbiran.

Sikap dan pendirian ini mungkin disebabkan oleh kesedaran baginda terhadap aspirasi rakyat hasil pengalaman baginda sebelum menaiki takhta, latar belakang pendidikan, dan pendedahan baginda terhadap semangat nasionalisme yang sedang membara di tanah-tanah jajahan waktu itu. Dari tindakan-tindakan baginda jelas bahawa baginda telah mengambil ikhtibar dari peristiwa politik yang bergolak ketika itu dalam menerajui pentadbiran negara ke arah kesejahteraan kemampuan dan keupayaan masing-masing. Sungguhpun begitu, baginda tetap inginkan penyertaan rakyat dalam pentadbiran. Menurut Baginda;<sup>159</sup>

**... the time has now arrived when there must be constitutional advances in our country which will enable my people by their representatives to take a part in the government of our state**

Walaupun pada dasarnya kedua-dua majlis mesyuarat merupakan sebagai satu tanda ke arah pemerintahan demokrasi berparlimen tetapi tidak ada usaha menunjukkan amalan demokrasi seperti yang dilakukan di negara-negara lain akan dilaksanakan biarpun Sultan Omar Ali Saifuddien III telah meluluskan perlembagaan tersebut. Ini membayangkan baginda sangsi terhadap demokrasi.<sup>160</sup> Rakyat Brunei menurut tanggapan baginda belum bersedia menerima kerana kemampuan

---

<sup>158</sup> Berita Brunei, 23 Januari 1958.

<sup>159</sup> Brunei Constitutional Conference Meetings Minutes 1959, 23 Mac 1959, C.O .1030/526

rakyatnya amat terhad untuk memikul tanggungjawab dan mengambil alih tugas-tugas pentadbiran disebabkan belum terdapat pegawai-pegawai yang cukup kelayakan terutama untuk mengisi dalam jawatan-jawatan penting. Kerajaan Brunei masih memerlukan pergantungan dengan kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Baginda melihat kekurangan dan keperluan ini menyebabkan baginda berhati-hati untuk membawa Brunei mencapai kemerdekaan. Walaupun baginda ingin memperkenalkan pemerintahan cara demokrasi berparlimen seperti yang diamalkan oleh Persekutuan Tanah Melayu tetapi disebabkan oleh keupayaan rakyat yang serba kekurangan dan belum berupaya untuk berdiri di atas kaki sendiri menjadi halangan besar untuk mengambil alih keseluruhan tanggungjawab. Misalnya dalam bidang pertahanan dan keselamatan sehingga 1962 Brunei belum mempunyai angkatan tentera sendiri. Keamanan hanya bergantung kepada seramai lebih kurang 404 orang anggota polis.<sup>161</sup> Kekurangan ini menyebabkan baginda tidak percaya sistem demokrasi dapat dilaksanakan di Brunei. Kesangsian ini telah dijelaskan oleh baginda ketika membuka rasmi sidang ulung MMN, baginda telah bertitah;<sup>162</sup>

Penubuhan majlis ini adalah menjadi satu tanda di dalam kemajuan Kerajaan Negeri menuju ke arah demokrasi berparlimen. Maka penubuhan satu kerajaan yang menurut cara parlimen dan berdemokrasi itu akan bergantung di atas beberapa perkara yang mustahak dan jika tidak adanya beberapa perkara itu yang akan menjadi asas-asas bagi penubuhan kerajaan yang sedemikian maka tentulah kerajaan itu akan menjadi kucir kacir selepas saja ditubuhkan

---

<sup>160</sup> Ibid.

<sup>161</sup> Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke 19, 20 Julai 1960, BA/13806/78

<sup>162</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 55.

Berdasarkan kepada titah tersebut, Sultan Omar Ali Saifuddien III menolak sebarang usaha untuk mengadakan sistem pemerintahan demokrasi dan setuju untuk memberikan kuasa yang terhad kepada rakyat Brunei. Jika sistem yang dituntut dilaksanakan bermakna baginda akan terus menerima tekanan yang akhirnya usaha mengukuhkan sistem monarki akan terhalang.